

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

r"

-1

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA : 29 MARCH 2011

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 6,12 HINGGA 75)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3 HINGGA 5, 7HINGGA

11

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN(2)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

**DARI PAD A : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

(a) apakah pencapaian model Build-then-Sell (BTS) bagi industri

perumahan setelah ianya dilancarkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak pada 2006

dan dilaksanakan secara rasmi mulai 2007; dan

(b) apakah olahan 10:90 model BTS ini akan diwajibkan menjelang 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) telah diperkenalkan pada pertengahan tahun 2007 sebagai satu kaedah alternatif yang dilaksanakan selari kepada sistem Jual Kemudian Bina sedia ada. Beberapa insentif untuk menggalakkan penglibatan pemaju dalam

konsep BKJ ini telah diperkenalkan seperti berikut:

- a) Mengecualikan syarat pembayaran deposit sebanyak RM200,000 bagi lesen pemajuan perumahan;
- b) Memberi pelepasan daripada kuota membina rumah kos rendah sepenuhnya; dan
- c) Keutamaan *fast lane* bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan;;

Namun sehingga kini, penglibatan dan sambutan pemaju adalah kurang menggalakkan kerana modus pelaksanaan ini memerlukan modal yang besar. Kekangan ini menyebabkan projek seumpama ini hanya dapat dijalankan pada skala yang kecil dan seterusnya menyebabkan kos pembinaan meningkat kerana ketiadaan *economic of scale* dalam proses pembangunan. Akibatnya bilangan rumah dalam pasaran akan berkurangan dan pengguna pula mungkin terpaksa membayar harga rumah yang lebih tinggi.

Dengan mengambilkira implikasi sedemikian, Kerajaan telah menetapkan bahawa pemaju boleh melaksanakan Konsep Bina

Kemudian Jual (BKJ) atau Konsep Jual Kemudian Bina (JKB) mengikut kapasiti masing-masing seperti yang telah ditetapkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

(b) Walaubagaimana pun, secara dasar Kerajaan telah menetapkan supaya mulai tahun 2015, semua pemaju perumahan kediaman akan melaksanakan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) 10:90 atau varian yang seumpamanya. Namun bagi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah, Kerajaan tetap akan mengawal harga rumah kos rendah pada harga maksimum RM42,000 dan meneruskan pembinaan perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. SOALAN: 6

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan perbezaan antara Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Negeri manakah yang menentukan keagamaan seorang rakyat Malaysia serta adakah mana-mana pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk menyita mayat atau abu si mati tanpa mempedulikan pandangan keluarga.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTER1

Tuan Yang di-Pertua,

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu sebagaimana yang diperuntukkan di

NO. SOALAN: 6

bawah Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan. Manakala Enakmen Negeri pula merupakan undang-undang yang dibuat menurut kuasa yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti berikut:

“74. (2) Tanpa menjaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”.

Hal berkaitan keagamaan tidak ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan mahupun Enakmen Negeri. Sebaliknya, setiap rakyat Malaysia diberikan hak untuk menganuti dan mengamalkan agama menurut pilihannya sendiri seperti yang termaktub di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menyatakan seperti berikut:

“11. (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.”.

NO. SOALAN: 6

Kebebasan untuk menganut agama pilihan sendiri ini bukan sahaja dipelihara oleh Perlembagaan Persekutuan, bahkan dihormati dan disokong oleh pihak kehakiman. Dalam kes *Re Susie Teoh, Teoh Eng Huat v Kadhi, Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan [1986] 2 MLJ 228*, Mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

“On the question whether the infant has a right to choose her own religion or whether that decision is to be made by the Plaintiff, for the reasons stated on the facts of this case, I would hold that the infant has that right where she does it on her own free will in view of Articles 11 and 12 of the Federal Constitution.”.

Walaupun rakyat Malaysia bebas untuk menganut dan mengamalkan agama pilihan masing-masing, namun mereka masih tertakluk kepada peraturan-peraturan atau tatacara yang ditetapkan dalam agama masing- masing. Selain itu, setiap kebebasan beragama yang diberikan di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk kepada syarat- syarat atau halangan yang diperuntukkan dalam Fasal (5) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu amalan beragama tidak boleh sehingga menjaskan ketenteraman awam, kesihatan umum

NO. SOALAN: 6

atau tatasusila. Di samping itu, Kerajaan diberikan kuasa untuk mengadakan perundangan yang mengawal atau mengehadkan penyebaran mana-mana doktrin agama atau kepercayaan di kalangan orang Islam seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai persoalan sama ada pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk menyita mayat atau abu si mati tanpa mempedulikan pandangan keluarga, Kerajaan menegaskan bahawa perbuatan menyita mayat atau abu si mati oleh pihak berkuasa agama Islam sebenarnya tidak pernah berlaku. Istilah menyita mayat atau abu si mati itu sebenarnya sengaja diada-adakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semata-mata untuk menimbulkan kontroversi dan ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.

Bagi mengelakkan ketegangan hubungan antara kaum dan agama di negara ini, isu seperti ini perlulah ditangani secara berhati-hati dan menurut lunas undang-undang. Justeru, apabila status agama Islam seseorang itu dipertikaikan, maka adalah wajar status tersebut dirujuk kepada mahkamah yang mempunyai kompetensi dan bidang kuasa untuk

NO. SOALAN: 6

memutuskan perkara tersebut. Dalam hal ini, apabila Mahkamah Syariah mendapati bahawa si mati itu adalah seorang Islam dan si mati tidak mempunyai waris yang beragama Islam, maka adalah menjadi kewajipan pihak berkuasa di bawah undang-undang yang sedia ada untuk menguruskan pengebumian si mati itu menurut cara Islam.

Berdasarkan butiran 1 dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan beberapa keputusan mahkamah di negara ini adalah jelas bahawa mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan penentuan status agama Islam seseorang ialah Mahkamah Syariah. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Y.A. Datuk Abdul

NO. SOALAN: 7

Wahab bin Patail dalam kes *Kaliammal a/p Sinnasamy v. Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan lain-lain* [2010]

1 LNS 1516, yang menyatakan seperti yang berikut:

*"12. Reverting to the issue at hand, a Svariah High Court has the power to hear and decide to make a declaration as to the status of a person as a Muslim. It is the court of competent jurisdiction for that purpose. This is established in **Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor [1991] 1CLJ 77 (Rep), [1991] 3 CLJ 2768 SC; Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah &Anor [1999] 2 CLJ 5 FC; Una Joy Iwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain [2007] 3 CLJ 557 FC.....***

15. Where a question arises whether a person is a Muslim or not, it is not a foregone conclusion that he is a Muslim - but it is our view that the legislature has by Art. 121 (1A) of the Federal Constitution of Malaysia placed the determination of this question in the sole jurisdiction of the Svariah High Court. It is for an obvious and practical reason. The religious authority of a particular religion is

better placed to consider and decide whether a person belongs and continues to adhere to that religion.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, adalah wajar bagi semua pihak untuk menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah dalam perkara yang berhubungan dengan penentuan status agama Islam seseorang. Sehubungan itu, sekiranya Mahkamah Syariah mendapati bahawa si mati adalah seorang Islam, maka jenazahnya hendaklah dikebumikan menurut cara Islam dan sebaliknya.

Pada pandangan Kerajaan, isu mengenai menyita mayat atau abu si mati itu boleh dielakkan sekiranya semua pihak memberikan kerjasama terutamanya anggota keluarga terdekat si mati. Sebagai contoh, dalam kes Nyonya bt. Tahir (Permohonan Ex-Parte: Pengisytiharan Status Islam No. Kes: 05100-099-0021-2006), berdasarkan keterangan lisan yang diberikan oleh anak-anak si mati yang beragama Buddha, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memutuskan bahawa si mati bukanlah seorang Islam dan oleh itu mayatnya hendaklah diuruskan mengikut agama Buddha. Pihak berkuasa dalam kes ini kemudiannya telah menyerahkan mayat si mati kepada keluarganya yang beragama Buddha untuk diuruskan pengkebumiannya. Pendekatan yang diambil oleh

NO. SOALAN: 6

Mahkamah Syariah dalam kes ini boleh dicontohi dalam usaha untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian yang melibatkan penentuan status agama Islam seseorang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

PERTANYAAN **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang Marang**
DARIPADA **29.9.2011 Selasa)**
KAWASAN **12**
TARIKH NO.
SOALAN **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]**
 minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan

- (a) kedudukan terkini perundangan Malaysia dalam Trans-pacific Strategic Economic Partnership Agreement (TPP); dan
- (b) adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian yang menyeluruh dari aspek daya saing negara dan keupayaan industri dalam negara untuk berhadapan dengan penghapusan tarif tertentu sekiranya Kerajaan memutuskan untuk menyertai TPP ini.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia telah diterima masuk dan mula menyertai rundingan Perkongsian Ekonomi Trans-Pasifik atau dengan izin, Trans-Pacific Partnership (TPP) semasa rundingan pusingan ketiga. Rundingan TPP pada masa ini telah memasuki rundingan pusingan kelima. Pusingan kelima rundingan telah berlangsung di Chile dari 14 hingga 18 Februari 2011 sementara pusingan keenam dijadualkan diadakan di Singapura pada 28 Mac -1 April 2011.

Rundingan TPP merangkumi 20 kumpulan kerja yang merundingkan bidang antaranya Akses Pasaran, Perkhidmatan, pelaburan, Polisi Persaingan, Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, Buruh, Alam Sekitar, Kerjasama dan Bina Upaya, Remedi Perdagangan serta Isu-isu Melintang atau *Horizontal Issues*, dengan izin.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya telah menjalankan kajian kemungkinan yang menyeluruh sebelum memutuskan untuk menyertai rundingan TPP. Pada masa yang sama konsultasi dengan pelbagai pihak atau *stakeholders*, dengan izin, yang merangkumi pihak swasta, Kerajaan dan badan bukan Kerajaan telah diadakan. Ini telah

dilaksanakan bukan sahaja bagi mengenalpasti kos dan manfaat ekonomi serta implikasi kepada industri dalam menyertai rundingan TPP, malah ianya bagi membantu menyediakan pendirian dan strategi Malaysia semasa rundingan.

Kajian dan hasil konsultansi perlu dikekalkan kerahsiaanya buat masa ini untuk memastikan pendirian dan strategi Malaysia tidak diketua anggota-anggota TPP yang lain.

FEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK AARON AGO ANAK DAGANG 29
TARIKH	MAC 2011 (SELASA)
SOALAN	NO. ¹³
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan nama-nama universiti dan kolej yang telah ditubuhkan dengan menggunakan geran dari Kerajaan dan sekarang ini telah gagal dan tidak dapat meneruskan matlamat asal institusi tersebut. Apakah punca atau sebab sebenar yang membuat universiti dan kolej tersebut gagal.	

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ditubuhkan melalui sesebuah syarikat sama ada syarikat swasta, *Government-Linked Companies* (GLC) atau kerajaan negeri dengan pembiayaan dari pelbagai sumber tanpa melalui Kementerian Pengajian Tinggi.

Kementerian akan mempertimbangkan permohonan penubuhan IPTS berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. berkebolehan menyediakan tapak, lokasi dan premis serta kemudahan perhubungan;

- ii. mempunyai pengalaman pendidikan yang bersetujuan atau rekod prestasi yang cemerlang;
- iii. berkebolehan menyediakan tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan;
- iv. mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berkebolehan menyediakan pengurusan kewangan yang baik; dan
- v. berkebolehan mengendalikan kursus pengajian atau program latihan secara bersendirian atau bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan mana-mana Universiti, Kolej Universiti, institusi pendidikan tinggi, sama ada awam atau swasta, atau badan profesional di dalam atau di luar Malaysia.

SOALAN NO.: 14

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH 29 MAC 2011

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Berikut kejadian banjir yang kerap berlaku di seluruh negara:-

- (a) Apakah punca sebenar yang menyebabkan banjir kerap berulang dan sejauh mana pembangunan yang tidak terkawal dan pembalakan yang berleluasa telah menyumbang kejadian banjir; dan
- (b) Kos projek tebatan banjir sepanjang 5 tahun kebelakangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan mudah banjir seluruh Malaysia seluas 29,800 km persegi melalui kajian ‘National Register of River Basins’ pada tahun 2003. Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengkaji punca-punca banjir melalui penyediaan pelan induk tebatan banjir dan pelan induk saliran bandar.

Secara amnya, antara punca-punca berlakunya masalah banjir ialah:

- > hujan lebat yang berterusan;
- > air pasang di kawasan berhampiran laut;
- > sampah-sarap yang menghalang laluan air sungai dan sistem perparitan; dan
- > pembangunan pesat yang tidak terancang yang menyebabkan kadar alir air meningkat.

Mengikut kajian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pembangunan tanah yang melibatkan perubahan guna tanah daripada pertanian kepada perumahan boleh meningkatkan kadar alir air permukaan dengan begitu ketara. Ini boleh menyebabkan banjir jika tidak ada langkah-langkah kawalan.

Selain itu, aktiviti pembalakan yang tidak terkawal dan berleluasa juga merupakan salah satu penyumbang kepada kejadian banjir, khususnya melalui hakisan tanah dan pemendapan sungai.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah sebanyak RM 5.054 bilion. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah membelanjakan hampir kesemua peruntukan tersebut dan semua projek yang dilaksana telah disiapkan mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

N0:15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARI PADA DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]**

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN 15

Datuk Siringan Bin Gubat [Ranau] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai pendirian terkini selain daripada jawapan iisan dalam sesi persidangan Parlimen yang lalu bahawa lapangan terbang Pekan Ranau tidak lagi diperlukan dengan sebab-sebab tertentu. Pegawai Daerah Ranau telah menulis surat kepada Jabatan Penerangan Awam untuk mendapatkan semula tanah tersebut tetapi tidak mendapat jawapan sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat dari Ranau, Kementerian

Pengangkutan telah pun bersetuju untuk menyerahkan tanah di Padang Terbang Ranau kepada Kerajaan Negeri Sabah. Perkara ini sedang dalam proses penyelarasan dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) mengikut prosedur yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]

TARIKH : 29 Mac 2011 (Selasa)

SOALAN : 16

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan perbandingan harga daun tembakau (basah dan kering) bagi negara- negara ASEAN dan benarkah Kerajaan sedang menimbangkan untuk menambah pengeluaran produk berkaitan tembakau di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusniaga daun tembakau di

Negara-negara pengeluar utama tembakau ASEAN adalah dilakukan berdasarkan kepada harga daun kering sahaja. Dalam hal ini, harga daun tembakau kering keluaran Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan keluaran tembakau dari negara ASEAN lain. Ini adalah disebabkan oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi. Perbandingan harga daun tembakau kering bagi kualiti yang setara pada tahun 2010 secara purata untuk Malaysia, Filipina, Indonesia dan Thailand adalah:

- i. Malaysia - RM14.44 sekilogram
- ii. Filipina - RM6.00 sekilogram
- iii. Indonesia - RM8.00 sekilogram
- iv. Thailand - RM8.00 sekilogram

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada dasarnya, Kerajaan tidak bercadang untuk menggalakkan penanaman tembakau dan pengeluaran produk berkaitan tembakau. Sebaliknya, sebarang usaha penanaman tembakau merupakan hasil kerjasama di antara syarikat-syarikat pengeluar rokok tempatan dan para penanam sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) masih bertanggungjawab terhadap industri berkenaan, termasuk dari segi khidmat nasihat dan kawal selia perlesenan dan penguatkuasaan.

Pada 2011, kuota pengeluaran tembakau kering adalah sebanyak 3.75 juta kilogram berbanding dengan 4.15 juta kilogram pada 2010.

Penurunan kuota tersebut adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk tidak menambahkan pengeluaran produk berkaitan tembakau di negara ini selaras dengan:

- i) komitmen Kerajaan di bawah *Framework Convention On Tobacco Control* (FCTC) berhubung kawalan penggunaan hasil tembakau; dan
- ii) kempen 'Tak Nak' merokok bagi mengurangkan tabiat merokok di kalangan penduduk di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]
TARIKH	SELASA, 29 MAC 2011
SOALAN	DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan perkembangan usaha tukar-ganti tanah KTMB di Tanjung Pagar, Singapura dengan tapak tanah yang lain di Singapura. Apakah manfaat yang kita boleh perolehi dari tukar-ganti itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pandan di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Pada 24 Mei 2010, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melaksanakan, dengan izin, *Points of Agreement* (POA) yang telah ditandatangani pada tahun 1990 di mana antara lainnya, stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan dipindahkan dari Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* (WTCP) pada 1 Julai 2011 dan sebuah syarikat usaha sama M+S Pte. Ltd. akan ditubuhkan yang mana ekuiti Malaysia sebanyak 60% dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad dan ekuiti Singapura sebanyak 40% dipegang oleh *Temasek Holdings Private Limited*. Apabila stesen KTMB dipindahkan dari Tanjong Pagar, tanah-tanah KTMB iaitu tiga bidang tanah di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dan tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah akan diserah hak kepada M+S Pte. Ltd. untuk dibangunkan bagi tujuan komersial.

3. Malaysia dan Singapura juga bersetuju supaya satu Pasukan Pelaksanaan Bersama Malaysia-Singapura (*Malaysia-Singapore Joint Implementation Team* - MS JIT) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri Singapura, ditubuhkan bagi menyusul pelaksanaan POA. MSJIT telah bermesyuarat sebanyak enam kali bagi membincang dan menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat keenam telah diadakan di Singapura pada 29-30 Disember 2010. Persetujuan-persetujuan yang dicapai oleh MSJIT

akan dimuatkan di dalam satu instrumen bertulis yang akan ditandatangani oleh kedua-dua negara selepas mendapat kelulusan Kerajaan masing-masing. Draf instrumen bertulis berkenaan kini dalam proses untuk dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Kedua-dua negara pada 20 September 2010 telah bersetuju untuk memuktamadkan cadangan pertukaran tanah-tanah yang akan dibangunkan bersama di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dan tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah dengan empat keping tanah di Marina South dan dua keping tanah di Ophir-Rochor. Keputusan penukaran tanah ini merupakan satu keputusan yang bertepatan dengan usaha pembangunan bersama M+S Pte. Ltd. Tanah-tanah di Marina South dan Ophir-Rochor adalah lebih strategik dan bernilai tinggi dan terletak di dalam zon perniagaan komersial Singapura yang kian membangun. Berdasarkan, dengan izin, "*per square foot basis*", nilai komersial tanah-tanah di Marina South dan Ophir-Rochor adalah lebih tinggi berbanding dengan tanah-tanah di Tanjong Pagar, Kranji, Woodlands dan Bukit Timah. Di samping penyelesaian kepada pelaksanaan POA, usaha ini juga didapati lebih menguntungkan kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN
JAWAB LISAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ 29
MAC 2011 (SELASA)

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAIJIAN TINGGI menyatakan mengapa Kerajaan masih meluluskan beratusan biasiswa untuk memohon kursus jururawat di Masterskill dan MAHSA walaupun ramai graduan daripada kursus jururawat di dua kolej ini bersusah payah mendapat kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan biasiswa kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di IPT dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti JPA, MARA, Yayasan Kerajaan Negeri, GLC dan syarikat swasta. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar untuk program diploma dan ijazah pertama.

KPT melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan kemudahan pembiayaan pendidikan dalam bentuk pinjaman kepada pelajar IPT tempatan yang memenuhi syarat asas yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, PTPTN tidak memberi keistimewaan kepada mana-mana IPT termasuk Kolej MAHSA dan Masterskill.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan pelajar bagi program kejururawatan di IPT adalah ditentukan berdasarkan unjuran yang dibuat bersama Lembaga Jururawat Malaysia (LJM), Kementerian Kesihatan Malaysia.

SOALAN NO:19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
	[TENGGARA]
TARIKH	29 MAC 2011, SELASA

SOALAN:

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan impak langkah Kerajaan mewajibkan semua projek Kerajaan yang bernilai lebih RM50 juta melalui penelitian makmal pengurusan niiai di Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri khususnya dari segi pemantauan terhadap kawalan kos, mengelakkan pembaziran dan amalan berbelanja secara berhemah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, impak pelaksanaan makmal pengurusan nilai terhadap projek bernilai RM50 juta dan ke atas seperti berikut:

- a. **Makmal Pengurusan Nilai meneliti sama ada sesbuah projek perlu dilaksanakan atau boleh ditangguhkan. Impaknya, peruntukan kewangan boleh disalurkan semula kepada projek-projek lain yang lebih mendesak (people-centric).**
- b. **Projek yang dilaksanakan dapat memenuhi objektif dan fungsi projek dan *fit for purpose*, manakala *frills* yang tidak menyumbang kepada fungsi projek dikeluarkan.**
- c. **Projek memenuhi keperluan golongan sasaran.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LJSA
TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA**

KAWASAN

PADANG TERAP

**TARIKH
NO. SOALAN : 20**

29.3.2011 (SELASA)

TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan nilai pelaburan asing bagi negeri Kedah daripada tahun 2006 sehingga 2010. Apakah strategi Kerajaan Persekutuan dalam membantu mempromosi pelaburan di negeri Kedah.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2006 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

berkaitan perkilangan bagi negeri Kedah adalah sebanyak RM29.9 bilion melalui 240 proiek pengilangan yang akan mewujudkan 22,868 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, RM12.9 billion (43.1%) merupakan pelaburan langsung asing (FDI) manakala RM17.0 billion (56.9%) merupakan pelaburan tempatan (DDI). Antara industri utama yang meniana pelaburan yang tinggi adalah elektrikal dan elektronik (termasuk solar), kimia dan produk kimia serta logam dan fabrikasi.

Pecahan pelaburan yang diluluskan menqikut tahun adalah:

- bagi tahun 2006, jumlah pelaburan adalah RM9.9 bilion di mana RM1.8 billion merupakan pelaburan langsung asing;
- bagi tahun 2007, jumlah pelaburan adalah RM14.0 bilion di mana RM6.1 bilion merupakan FDI;
- bagi tahun 2008, jumlah pelaburan adalah RM2.6 bilion di mana RM2.3 bilion merupakan FDI;
- bagi tahun 2009, jumlah pelaburan adalah RM1.5 bilion di mana RM1.1 bilion merupakan FDI; dan
- bagi tahun 2010, jumlah pelaburan adalah RM2.0 bilion di mana RM1.6 bilion merupakan FDI.

Antara faktor yang mendorong Negeri Kedah menjadi

destinasi pilihan pelabur asing di Malaysia adalah:

- kewujudan beberapa industri utama yang mampan dan tertubuh seperti elektrikal dan elektronik, solar, kimia dan produk kimia;
- usaha Kerajaan bagi menarik kemasukan pelaburan berkualiti yang berasaskan industri teknologi baru muncul seperti industri solar di Kedah. Antara syarikat yang mengeluarkan produk tersebut adalah First Solar Malaysia Sdn. Bhd.:
- kewuiudan prasarana terbina seperti taman teknologi berteknologi tinggi, taman perindustrian dan kewuiudan ialinan Koridor Multimedia serta kewuiudan institusi pengaiian tinggi tempatan dan pusat penvelidikan berhampiran; dan
- penyediaan kemudahan utiliti lain yang cekap seperti kualiti bekalan elektrik, bekalan air dan kemudahan telekomunikasi terkini.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan Persekutuan tidak memfokuskan kepada sesebuah negeri untuk mempromosikan pelaburan. Kerajaan

sentiasa mempergiatkan usaha untuk memastikan momentum kenaikan FD1 di Malaysia dapat dikekalkan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- ⑧ Memperkenalkan program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;
- Memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang diiangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;
- Menialankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing;

Menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU bagi memastikan koordinasi yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP;

Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;

Menubuhkan Unit Perlaksanaan Industri Daerah (DI1U) bagi memantau perlaksanaan projek di peringkat daerah dan menyediakan bantuan yang diperlukan bagi mempercepatkan proses kelulusan.

Menyediakan bantuan kepada para pelabur dalam bentuk aktiviti "handholdina", dengan izin, bagi mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan dari agensi-agensi berkaitan dan meningkatkan kadar pelaksanaan proiek yang telah diluluskan;

- Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH) bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penvampaian kerajaan dan juga untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara pihak swasta dan Kerajaan;
- Memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan untuk pengecualian cukai korporat kepada sektor-sektor industri yang strategik dan bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, photonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan
- Menawarkan galakan insentif tambahan seperti insentif kali kedua kepada svarikat-svarikat vanq sedia ada bagi menggalakkan projek pembesaran dan diversifikasi di Malaysia.

Di samping itu, pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dilancarkan seiak Julai 2007 juga menjadi sebagai salah satu usaha pihak Kerajaan bagi mempromosikan pelaburan di Utara Semenanjung Malaysia termasuk negeri Kedah.

N0:21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

(DUNGUN)

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN 21

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh (Dungun) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan rasional cadangan kerajaan mewajibkan motosikal terpakai yang hendak dijual menjalani pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) untuk kepentingan dan keselamatan pengguna seperti membeli kenderaan curi atau diubahsuai secara haram.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan semasa mewajibkan pemeriksaan kenderaan persendirian sebelum dibenarkan pertukaran hak milik adalah bagi semua kenderaan kecuali motosikal dan pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mewajibkan bagi motosikal.

NO. SOALAN : 22

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUAABELAS, TAHUN 2011 DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 29.3.2011

SOALAN

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
menyatakan :**

- a) Kerajaan menghadapi masalah kekurangan Doktor Gigi yang berkhidmat dengan Kerajaan. Adakah MARA berusaha membantu Kerajaan dengan menaja pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini di luar negara ;
- b) Jika ada tajaan, berapakah yang ditaja dari tahun 2001 hingga 2010 dan dari jumlah yang ditaja berapa yang gagal menamatkan pelajaran mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

MARA sentiasa berusaha membantu Kerajaan dengan menaja pelajar-pelajar dalam kursus pergigian bagi menampung kekurangan doktor gigi pada masa kini. Penajaan ini bermula sejak tahun 2006 di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Jumlah keseluruhan pelajar yang ditaja sejak tahun 2006 sehingga 2010 adalah seramai **259** pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai **88** pelajar ditaja di dalam negara, seramai **88** pelajar di

Jordan, 41 pelajar di India, 30 pelajar di Indonesia dan 12 pelajar di Mesir.

Daripada seramai 259 pelajar berkenaan hanya tiga peratus (3%) iaitu seramai 8 orang pelajar sahaja gagal menamatkan pengajian disebabkan pencapaian akademik yang tidak memuaskan.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
KAWASAN	MAS GADING
TARIKH	29 MAC 2011 (SELASA)
SOALAN:	

Y.B. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kerja naik taraf jalan Biawak, Lundu, Sarawak setakat ini dan huraikan masalah-masalah yang menyebabkan kelewatan serta apakah tindakan, jika ada, yang akan diambil terhadap kontraktor yang bertanggungjawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek Menaik Taraf jalan Biawak di Lundu, Sarawak merupakan projek khas di bawah jabatan Perdana Menteri yang dilaksanakan di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek dengan harga kontrak sebanyak RM29.95 juta ini melibatkan skop menaik taraf jalan gravel sedia ada sepanjang 18.3 kilometer kepada jalan berturap. Projek telah dimulakan pada 28 Ogos 2009 dan sepatutnya siap dalam tempoh 18 bulan, iaitu pada 27 Februari 2011. Walau bagaimanapun projek telah diluluskan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 20 Ogos 2011. Sehingga kini kemajuan kerja di tapak ialah 36.5% sahaja berbanding 53.2% mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini mengalami kelewatan berikutan dari pelbagai faktor seperti pengambilian balik tanah, kelewatan pengalihan utiliti dan kelemahan oleh pihak kontraktor sendiri. Sehubungan itu, JKR telah meluluskan EOT selama hampir 6 bulan disebabkan kelewatan proses pengambilian balik tanah dan pengalihan utiliti. Walaupun EOT telah diberikan, kontraktor masih berhadapan masalah akibat dari kelemahan dan ketidakcekapan pengurusan mereka sendiri. Berikutan itu, JKR telah mengeluarkan beberapa Surat Amaran/Peringatan kepada mereka untuk meningkatkan kemajuan kerja di tapak. Tindakan untuk menamatkan kontrak ini termasuk mengenakan senarai hitam akan

diambil jika pihak kontraktor masih gagal melaksanakan obligasi yang telah ditetapkan sebagaimana di dalam kontrak. Berdasarkan kontrak semasa, projek ini perlu disiapkan pada 20 Ogos 2011.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- (a) statistik peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan sukan di setiap negeri bermula pada tahun 2005 hingga 2011.
- (b) Apakah kemajuan mengenai inisiatif Kerajaan Persekutuan yang sebelum ini berjanji akan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur di Gelanggang Hoki Bertam dan PISA.

JAWAPAN

Untuk tempoh 2005 hingga 2011, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM167,748,040.92 bagi program pembangunan sukan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak RM8,389,250.56.

Mengenai projek mempertingkatkan infrastruktur di Gelanggang Hoki Bertam dan Penang International Sports Arena (PISA), Kementerian akan membuat permohonan di dalam ‘Second Rolling Plan’ RMKe-10 yang akan datang.

No: 25

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

**TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN [
HULU SELANGOR]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. 25

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapa peratusan meter pukal yang di tukar kepada meter individu sepanjang tahun 2010 oleh SYABAS di negeri Selangor bagi membolehkan rakyat menikmati pemberian air percuma oleh Kerajaan Negeri. Maklumat pecahan berdasarkan kepada setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) telah pun melaksanakan program pemasangan meter individu bagi pengguna-pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi bangunan kediaman bertenagak dan komuniti berpagar sedia ada serta projek pembangunan baru

berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pihak pengurusan kediaman masing-masing. Pemasangan meter individu dibuat setelah pihak pengurusan berkenaan mematuhi aspek teknikal yang ditetapkan oleh operator bekalan air.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Disember 2010, jumlah permohonan pertukaran meter pukal kepada meter individu yang telah diterima dan diproses oleh pihak Syabas ialah sebanyak 1,130 permohonan yang melibatkan 219,739 unit premis kediaman bertingkat. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 37,523 unit premis kediaman atau 17.1 peratus telah mendapat bekalan air melalui meter individu dan seterusnya melayakkan mereka untuk menikmati pemberian air percuma yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Maklumat pecahan program penukaran meter pukal kepada meter individu ini diuruskan mengikut wilayah pentadbiran kawasan bekalan air Syabas. Oleh itu, izinkan saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pecahan bilangan permohonan meter individu yang diluluskan bagi premis kediaman bertingkat dan komuniti berpagar mengikut wilayah yang diuruskan oleh SYABAS bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

Wilayah	Bilangan Meter Individu Yang Diaktifkan
KUALA LUMPUR	5,480
GOMBAK	1,804
PETALING	9,124
KLANG	2,821
HULU LANGAT	3,465
HULU SELANGOR	7,304
SEPANG	6,956
KUALA LANGAT	478
KUALA SELANGOR	40
SABAK BERNAM	48
JUMLAH	37,523

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

29.03.2011

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan terhadap penjualan rokok tidak sah dan kesannya kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat adalah mengawal penjualan rokok. Langkah tersebut termasuklah pengenaan Amaran Kesihatan Bergambar dan Harga Minimum Rokok. Berhubung dengan langkah untuk membendung penjualan rokok tidak sah iaitu termasuklah rokok *counterfeit* dan rokok seludup, Kerajaan sentiasa mempertingkatkan langkah penguatkuasaan melalui agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia di dalam membanteras aktiviti penyeludupan rokok. Sementara itu, Kementerian Kesihatan pula mengambil langkah

untuk membendung kesalahan tidak mematuhi peraturan Amaran Kesihatan Bergambar dan penjualan pada harga lebih murah daripada Harga Minimum Rokok yang mana lazimnya melibatkan rokok tidak sah.

2. Berkaitan dengan langkah membanteras aktiviti penyeludupan rokok pula, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), antaranya seperti berikut:

- i. Mengadakan Operasi Pemutihan melalui rondaan darat dan laut/pantai secara 24 jam bagi mencegah percubaan untuk menyeludup barang;
- ii. Menubuhkan Pasukan Gerak Cepat di setiap negeri yang bertujuan untuk memberi tindak balas segera ke atas aktiviti penyeludupan yang dilaporkan;
- iii. Meningkatkan kerjasama di antara agensi penguat kuasa seperti Polis, Kastam, Imigresen dan Badan Pencegah Rasuah supaya dapat melaksanakan langkah penguatkuasaan yang lebih bersepadu;
- iv. Mengadakan Operasi Maritim Secara Bersepadu oleh agensi penguat kuasa maritim tempatan seperti Polis Marin, TLDM dan Jabatan Laut serta agensi luar negara seperti Kastam Indonesia dan pihak berkuasa maritim Filipina;
- v. Mempergiat operasi pencegahan seperti rondaan, sekatan jalan raya dan pemeriksaan ke atas premis-premis yang disyaki;

- vi. Menempatkan pegawai/anggota dari lain-lain negeri/kawasan untuk melakukan operasi di negeri/kawasan yang bukan tempat mereka bertugas supaya langkah penguatkuasaan lebih cekap dan berkesan;
 - vii. Meningkatkan *Capacity Building* dengan meningkatkan keupayaan logistik, pengetahuan dan kemahiran kakitangan penguat kuasa bagi menambah keberkesanan dalam menangani isu-isu penyeludupan; dan
 - viii. Mengadakan kempen kesedaran anti penyeludupan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tempat penyeludupan yang aktif.
3. Dengan usaha penguatkuasaan yang berterusan tersebut di atas, ia diharapkan dapat mengurangkan bekalan rokok tidak sah terutamanya kepada golongan remaja yang kini terpaksa membeli rokok pada harga yang tinggi dan seterusnya dapat mengurangkan gejala tidak sihat akibat rokok.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)
TARIKH	29 MAC 2011
SOALAN	27

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan adakah Kementerian ini sedia meluluskan peruntukan sebanyak tidak kurang daripada RM15 juta untuk melaksanakan dengan segera projek menaik taraf dan menambah rangkaian paip saluran air dari loji bekalan air ke semua pengguna di seluruh kawasan pekan Kapit dan juga kawasan sekelilingnya.

Jawaoan:

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sejumlah RM1.34 billion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BALB di seluruh negeri Sarawak bagi tempoh 2010-2012. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM35.20 juta adalah untuk pelaksanaan 45 projek BALB di Parlimen Kapit, Sarawak. Dengan pelaksanaan projek tersebut, dijangka 5,728 buah rumah akan mendapat faedah bekalan air bersih atau terawat.

Pada masa ini, terdapat projek yang sedang dilaksanakan seperti projek Loji Air Kapit dengan kos RM28.59 juta manakala projek-projek lain masih diperingkat rekabentuk dan dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

N0.28

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah mekanisme/prinsip-prinsip asas yang diperhitungkan oleh pihak Kementerian terhadap pelantikan Naib-naib Canselor di semua IPTA di negara ini. Adakah benar pihak Kementerian bersikap autokratik yang menyebabkan berlakunya rasa ketidakpuasan hati di kalangan ahli-ahli akademik dan melanggari tradisi universiti sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah menggariskan strategi untuk memantapkan struktur tadbir urus IPTA dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintegriti. Ini termasuklah dalam memilih individu yang layak untuk memimpin sesebuah universiti. Kementerian telah menetapkan kriteria pemilihan Naib Canselor iaitu berdasarkan meritokrasi. Kriteria-kriteria pemilihan Naib Canselor IPTA adalah meliputi kecemerlangan akademik, pengiktirafan

antarabangsa, kebolehan memimpin dan mengurus, reputasi dan personaliti

Dua buah Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor telah ditubuhkan untuk memilih Naib Canselor bagi Universiti Penyelidikan dan Universiti Bukan Penyelidikan. Ini bagi memastikan agar mereka yang dipilih menjadi Naib Canselor merupakan individu yang benar-benar layak dan mampu mentadbir serta memimpin sesebuah universiti.

Soalan No : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA : Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)

TARIKH : 29.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan menangani isu penempatan semula guru khususnya bagi menampung kekurangan guru Bahasa Inggeris (BI) supaya lebih profesional dengan mengambil kira kepentingan guru-guru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha melaksanakan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dengan lebih berkesan agar impak dasar ini diterima di setiap peringkat. Antara langkah yang telah diambil bagi tujuan ini ialah penempatan semula guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang memerlukan kepakaran guru opsyen ini.

Pelaksanaan penempatan guru secara profesional adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan iaitu bagi mengisi kekosongan perjawatan dan mengikut opsyen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan semula guru Bahasa Inggeris dibuat bagi membuat agihan yang seimbang bagi memenuhi keperluan perkhidmatan.

NO; 30

Di samping itu, KPM juga telah merancang beberapa strategi khusus bagi memperkasa mata pelajaran Bahasa Inggeris terutamanya di sekolah luar bandar. Antara langkah yang diambil ialah dengan penubuhan Jawatankuasa MBMMBI, transformasi kurikulum Bahasa Inggeris dan kursus kepada Jurulatih Utama Bahasa Inggeris di setiap negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. 30

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah status dan pencapaian rundingan yang sedang dijalankan bersama dengan lima Penjana Kuasa Bebas generasi pertama, yang akan tamat tempoh konesinya pada sekitar 2014 - 2015 kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kapasiti bagi lima (5) Penjana Kuasa Bebas (IPP) generasi pertama yang akan tamat tempoh konesinya di antara tahun 2016 dan 2017 adalah sebanyak 4,105 MW. Antara langkah yang telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi menampung

NO; 30

permintaan bekalan elektrik tersebut ialah dengan membina loji jana kuasa baru ataupun melanjutkan tempoh tugas loji-loji jana kuasa sedia ada milik IPP tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menubuhkan *Malaysia Programme Office for Power Electricity Reform (MyPower)* di mana salah satu tugas MyPower ini adalah melaksanakan rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bersama IPP. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan kerjasama *Malaysia Programme Office for Power Electricity Reform (MyPower)* dan Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk perancangan bagi melanjutkan tempoh operasi loji-loji janakuasa tersebut.

Antara penilaian yang sedang dilaksanakan sebelum keputusan untuk melanjutkan operasi loji-loji jana kuasa milik IPP ini dimuktamadkan adalah penilaian berkenaan kos sekiranya loji-loji ini dilanjutkan operasi selain mengambil kira keperluan kapasiti dari loji-loji milik IPP ini terhadap sistem bekalan elektrik di Semenanjung. Pada masa ini, rundingan bersama IPP generasi pertama ini sedang diperhalusi dan sekiranya Kerajaan bercadang melanjutkan operasi IPP generasi pertama ini, maka terma-terma bagi pelanjutan tempoh operasi akan diperhalusi supaya ia tidak menyebelahi mana-mana pihak dan seterusnya memastikan kepentingan rakyat diutamakan.

*****A*****

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] 29
TARIKH MAC 2011 (SELASA)
SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kos pembinaan Projek Penang Sentral dan adakah dijangka siap bersama dengan projek *double track*.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran asal *Gross Development Value (GDV)* bagi Projek Pembangunan Pusat Pengangkutan Bersepadu Penang Sentral adalah sebanyak RM2.7 bilion di mana Kerajaan telah bersetuju menanggung RM236.05 juta melalui kemudahan Dana Mudah Cara (*Facilitation Fund*) yang melibatkan kerja-kerja bangunan, kerja-kerja luaran dan infrastruktur, jalan masuk ke Terminal Feri, KTMB *double track extension, realignment of siding tracks*, kos tanah, pembinaan terminal bas sementara, pusat penjaja dan kos-kos pembangunan yang lain. Fasa pertama bagi projek ini dijangka siap pada tahun 2013 dan keseluruhan projek ini akan dibangunkan untuk tempoh selama 10 tahun.

Manakala bagi projek *double track* pula, projek ini dijangka siap pada 7 Disember 2013.

NO. SOALAN: 32

PERTANYAAN LISAN
TA DARIPADA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
N TARikh
SR SOALAN
I
DA
TO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
29 MAC 2011 (SELASA)

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengikut data rasmi, 140,000 rakyat Malaysia telah meninggalkan Malaysia pada 2007 untuk bekerja di luar negara. Apa usaha yang dibuat oleh Talent Corporation untuk menarik minat mereka untuk kembali ke tanah air dan adakah usaha ini berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

"Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan rakyat Malaysia bekerja di luar negara. TalentCorp, sebagai penyelaras dan pemangkin untuk memacu inisiatif pengurusan bakat yang inovatif, akan bekerjasama

dengan semua pihak yang berkaitan, termasuk rakyat Malaysia yang bekerja di luar Negara ke arah mengoptimumkan kepakaran mereka walau di mana mereka berada.

Inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen akan memberi peluang kepada warganegara Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan untuk kembali ke Malaysia, bekerja dan seterusnya berada di samping keluarga mereka. Selain itu, kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta sebagai membayar balik tempoh kontrak juga dapat menarik minat pelajar-pelajar Malaysia untuk kembali ke tanah air.

Salah satu program sedia ada, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan supaya modal insan berkepakaran global Malaysia yang berada di serata dunia akan tertarik untuk kembali ke tanah air.”

Soalan No : 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)
TARIKH	29.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian mempunyai Majlis Penilai mengenai penggunaan buku teks yang hendak diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam pelaksanaan penerbitan buku teks agar kandungan dan nilai buku teks adalah terkawal dan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua buku teks yang digunakan di sekolah rendah dan menengah adalah dinilai oleh jawatankuasa yang dilantik oleh KPM yang terdiri daripada pensyarah universiti, pensyarah IPGM, guru-guru pakar, guru mata pelajaran dan pegawai Bahagian lain di KPM.

No. Soalan : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah laluan keretapi Pantai Timur akan mula dibina dan bandar-bandar yang akan dilaluinya.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Pipertua,

Kerajaan masih lagi mengkaji cadangan pembinaan laluan kereta api laju di Pantai Timur. Kajian berkenaan sedang dijalankan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECER) oleh perunding HSS Integrated Sdn Bhd. Kajian itu dijangka siap pada Sep 2011.

Selepas tamat kajian tersebut, hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Kabinet untuk mempertimbangkan pelaksanaan projek ini.

JAWAPAN : YB. PATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

Untuk masa ini, Kerajaan belum lagi membuat sebarang pemeteraian kontrak untuk melaksanakan projek ini. Dan belum ada apa-apa keputusan mengenai kos, laluan, tarikh mula dan siap projek laluan kereta api laju Pantai Timur.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIANG TECK MENG minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti syarikat yang layak menjadi pembekal benih padi sah. Bagaimanakah Kementerian menentukan pembekalan benih padi sah untuk tahun 2011 dan 2012.

JAWAPAN OLEH :

Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam mengenal pasti syarikat-syarikat yang layak menjadi pembekal benih padi sah bagi tahun 2011, kriteria-kriteria yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai kemampuan kewangan;
- (ii) mempunyai loji dan peralatan sendiri dan kapasiti loji mampu memenuhi kuota yang ditetapkan;
- (iii) mempunyai kakitangan yang cukup untuk operasi syarikat;
- (iv) mempunyai kakitangan teknikal yang cukup mahir; dan
- (v) berstatus Bumiputera.

Penentuan pengeluar-pengeluar benih padi sah bagi tahun 2011 sudah dimuktamadkan.

SOALAN NO. t?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pengundi kawasan Parlimen Batu Gajah yang telah dipindah atas alasan “salah letak lokaliti” sejak tahun 2008. Berikan senarai nama tempat yang terlibat serta kawasan Parlimen baru mereka yang terlibat ini.

MENTERI PI JABATAN PERPANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2008 terdapat sebanyak 10 kes pembetulan lokaliti telah dilaksanakan di bahagian pilihan raya Parlimen Batu Gajah yang melibatkan jumlah pemilih seramai 512 orang, iaitu masing-masing 1 kes pada tahun 2008 yang melibatkan 100 orang

JAWAPAN: YB. PATO” SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

pemilih dan 9 kes pada tahun 2009 yang melibatkan 412 orang pemilih. Manakala pada tahun 2010 dan 2011, tiada sebarang pembetulan lokaliti dijalankan. Urusan pembetulan lokaliti ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk meletakkan lokaliti tersebut di dalam daerah mengundi yang sebenar.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah projek keretapi laju dari Kuala Lumpur ke Selatan akan diteruskan dimasa hadapan dan bilakah ianya akan dimulakan.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan masih lagi mengkaji kebolehlaksanaan projek kereta api laju dari Kuala Lumpur-Singapura. Kajian berkenaan akan dikendalikan secara bersama oleh SPAD dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Kajian itu dijangka siap pada Jun 2012.

Selepas tamat kajian tersebut, hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Kabinet untuk mempertimbangkan pelaksanaan projek ini.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Untuk masa ini, Kerajaan belum lagi membuat sebarang pemeteraihan kontrak untuk melaksanakan projek ini. Dan belum ada apa-apa keputusan mengenai tarikh mula dan siap projek kereta api laju.

Sekian, terima kasih.

SOALAN 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

**TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH
DARIPADA**

29 MAC 2011

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Apakah peraturan tender semasa untuk pemberian projek atau **SOALAN** kontrak-kontrak yang diamalkan oleh Kementerian supaya amalan kronism dapat dielakan dan apakah peraturan tender yang digunakan oleh Kementerian untuk projek-projek atau kontrak-kontrak kepada Naga DDB Sdn Bhd, Smascom & Design Sdn Bhd, Sen Media Sdn Bhd, M & C Saatchi Sdn Bhd dan Impact Creation (M) Sdn Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perlantikan agensi pengiklanan yang diamalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia adalah melalui proses tender terbuka berdasarkan “Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender” yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Tatacara ini juga digunakan semasa pemilihan syarikat-syarikat pengiklanan bagi kontrak pengiklanan Tourism Malaysia 2011-2013.

Berdasarkan Surat Pekeliling tersebut, proses tender bagi kontrak pengiklanan Tourism Malaysia 2011-2013 dibuat melalui empat (4) Jawatankuasa berikut iaitu:

- i) Jawatankuasa Pembuka Tender Tourism Malaysia;
- ii) Jawatankuasa Penilaian Kewangan Tourism Malaysia
- iii) Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tourism Malaysia; dan
- iv) Lembaga Perolehan “A” Tourism Malaysia

Tourism Malaysia juga mengguna pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2009 (Had Nilai, Kuasa dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi), iaitu kuasa untuk menimbang dan menyetuju terima tender yang bernilai melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta (RM20 juta) hingga Ringgit Malaysia Seratus Juta (RM100 juta) telah diberikan kepada Lembaga Perolehan ‘A’.

Tiada ahli yang sama di dalam keempat-empat jawatankuasa. Malahan, seperti yang disyaratkan, Jawatankuasa Pembuka Tender telah memberi nombor kod bagi setiap dokumen teknikal dan dokumen kewangan daripada agensi-agensi pengiklanan tersebut. Kod ini digunakan sepanjang proses penilaian tersebut dan bukannya menggunakan nama syarikat. Ini dibuat untuk menentukan sebarang unsur kronisme tidak berbangkit dan penilaian dapat dilakukan secara telus.

Laporan hasil pemilihan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya keputusan Lembaga Perolehan ‘A’ itu

dilaksanakan.

Penganugerahan tawaran kontrak tahun 2011-2013 telah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan kerajaan yang ditadbir urus baik secara telus, terbuka, adil dan saksama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pembuka Tender, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kewangan, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Mesyuarat Lembaga Perolehan "A".

NO.AUP: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN

NEGARA PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

TARIKH 29 MAC 2011

RUJUKAN 3424

SOALAN:

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing bagi pelbagai bidang dan apakah Kementerian mempunyai rekod berkenaan berapa jumlah

JAWAPAN:

pekerja asing yang hilang tanpa memperbaharui permit namun masih menetap di negara ini sebagai pendatang tanpa izin.
Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan pertanyaan.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 1,817,871 orang pekerja asing yang aktif diseluruh Malaysia. Terdapat 6 sektor pekerjaan yang dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing di negara ini. Sektor pekerjaan yang mencatatkan bilangan pekerja asing yang paling tinggi ialah sektor pembuatan iaitu seramai 672,823 orang diikuti dengan sektor perladangan seramai 266,196 orang, sektor pembantu rumah seramai 247,069 orang, sektor pembinaan seramai 235,010 orang, sektor pertanian seramai 231,515 orang dan sektor perkhidmatan seramai 165,258 orang.

Pekerja asing perlu memperbaharui Pas mereka sekiranya telah tamat tempoh. Sekiranya tidak memperbaharui pas berkenaan bermakna Pekerja Asing berkenaan boleh dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin. Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan seramai 38,161 orang pekerja asing yang lari sehingga 31 Disember 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

DARIPADA

[SEREMBAN]

TARIKH

29 MAC 2011

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan :

- a) Berapa ramaikah pelancong asing yang terbunuh di negara kita dari tahun 2006 hingga 2010 ada apakah punca kematian mereka; dan

- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan kemalangan maut yang melibatkan bas persiaran, bot pelancongan dan juga feri-feri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pelancongan tidak mempunyai sebarang rekod khusus mengenai jumlah pelancong asing yang terbunuh pada 2006 hingga 2009. Walaubagaimanapun, pada 2010, seramai 34 pelancong asing telah terbunuh. Kes-kes kematian pelancong asing pada 2010 di Malaysia adalah seperti berikut:-

- i) K
emalangan bas persiaran iaitu seramai 26 orang;
- ii) K
emalangan bot pelancong seramai 7 orang; dan
- iii) Lemas semasa mandi di laut seramai 1 orang.

b) Bagi mengurangkan kadar kemalangan di kalangan para pelancong asing, Kementerian Pelancongan telah mengambil pelbagai langkah antaranya seperti berikut:-

- i) Menjalankan audit secara berkala ke atas syarikat

SOALAN NO.: 42

agensi pelancongan yang berlesen dengan Kementerian ini bagi memastikan syarikat mempunyai

manual prosedur pengendalian pelancong dan mempraktikkan prosedur tersebut;

- ii) Mewujudkan Manual Prosedur Pengurusan Kenderaan Pelancongan pada 2008 tentang tatacara pengurusan kenderaan berdasarkan Kod Amalan *Safety, Health & Environment* (SHE) untuk dipraktikkan oleh semua pengusaha pelancongan yang mempunyai kenderaan pelancongan;
- iii) Mewujudkan Prosedur Operasi Piawaian (SOP) Pengurusan Kecemasan dan Insiden Kemalangan iaitu mengenai prosedur menguruskan kemalangan;
- iv) Mengadakan kempen kesedaran untuk mengambil langkah-langkah bagi mengelak kemalangan kepada semua pengusaha pelancongan dan pengusaha premis penginapan pelancong.

SOALAN NO: 41

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA LISAN

TARIKH YB. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [GUA
RUJUKAN MUSANG]

SOALAN SELASA, 29 MAC 2011

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua
Musang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN
BANDAR**

menyatakan bagaimakah bentuk penyelesaian antara Kerajaan dan penduduk yang terlibat dalam Rancangan Pembangunan Kampung Baru di Wilayah Persekutuan dan apakah jaminan Kerajaan supaya tidak berlaku sebarang bentuk penindasan terhadap pemilik tanah dan mereka terus akan menikmati faedah daripada pembangunan tanah mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Gua Musang, dalam soal

merancang pembangunan Kampong Bharu, Kementerian saya telah mengadakan sesi-sesi perbincangan dengan para pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu, badan-badan bukan Kerajaan (*NGOs*) utama yang terdapat di Kampong Bharu yang terdiri daripada Lembaga Pentadbiran '*Malay Agricultural Settlement (MAS)*', Persatuan Anak-anak Kampong Bharu (PAKAM), Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB) dan tokoh-tokoh profesional dan korporat anak kelahiran Kampong Bharu. Hasilnya, didapati bahawa mereka bersetuju supaya Kampong Bharu dibangunkan dengan diterajui oleh pihak Kerajaan dan bukannya oleh pihak swasta. Mereka juga bersetuju supaya ditubuhkan sebuah Perbadanan di bawah suatu Akta Parlimen. Inilah bentuk penyelesaian yang telah dipersetujui bersama di antara Kerajaan dan penduduk yang terlibat. Dalam konteks ini mereka yang dinyatakan di atas telah dilibatkan dalam proses penyediaan draf Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang dicadangkan itu.

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu akan hanya bertindak sebagai penyelaras dan pemudahcara dan bukannya sebagai pemaju. Selain dari itu, dengan adanya Perbadanan maka akan memudahkan pihak Kerajaan menyalurkan peruntukan bagi menaiktaraf kemudahan-kemudahan awam dan infrastuktur di Kampong Bharu. Kerajaan telah bersetuju supaya beberapa pihak lain dilantik sebagai pemaju iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), Lembaga Tabung Haji (LTH) dan badan-badan lain yang berkaitan sebagai agen pembangunan dan penjaga amanah orang Melayu dalam melaksanakan pembangunan semula Kampong Bharu.

Mengikut perancangan Kerajaan, Kampong Bharu akan dibangunkan secara komprehensif dengan menjadikannya sebagai kawasan perniagaan, kawasan kediaman utama di pusat bandaraya dan pusat kebudayaan dan pelancongan.

Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 14 Disember 2010. Walau bagaimana pun, oleh sebab masih terdapat isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, maka Kementerian bersedia untuk mendengarnya dan telah membuat keputusan menangguhkan pembentangan untuk bacaan kali kedua di Parlimen pada bulan Mac 2011 ini yang disasarkan kepada sesi Parlimen pada bulan Jun 2011 nanti. Ini adalah bagi membolehkan pihak Kementerian memperhalusi fasal-fasal tertentu di dalam RUU tersebut dengan mengambil kira pandangan dan cadangan dari pihak-pihak yang berkepentingan. Ini semua menunjukkan bahawa Kementerian saya tidak akan mengabaikan hak para pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu.

Perjumpaan terbaru dengan mereka telah diadakan pada 1 Mac 2011, di mana mereka telah menuara dan mencadangkan perkara-perkara yang merekakehendaki dalam pembangunan Kampong Bharu. Di akhir perjumpaan itu, saya telah diberi jaminan bahawa mereka memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha Kementerian untuk melaksanakan pembangunan Kampong Bharu. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat sebarang bentuk penindasan terhadap para pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu. Jika tidak, masa kan mereka menyokong perancangan Kerajaan itu.

Jelas sekali bahawa Kementerian hanya bertindak sebagai penggerak dalam menyediakan mekanisme dan keperluan perundangan bagi melicinkan pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu. Segala keputusan sama ada mahu meneruskan pembangunan Kampong Bharu atau sebaliknya adalah terletak 100% di tangan para pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu itu sendiri. Tegasnya, tidak ada paksaan sama sekali dari pihak Kerajaan.

NO. AUM : 15

NO. AUP : ij-X

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT LISAN

PERTANYAAN	PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
DARIPADA	29 MAC 2011
TARIKH	3425

SOAKAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kerja dan hasil siasatan tentang kes 2 orang pemuda menggantung ayam mati di Pejabat DAP Sg Chua pada 19hb Januari, 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM telah menjalankan siasatan keatas kes dua orang pemuda yang menggantung ayam mati di Pejabat DAP dan satu kertas yang tertulis ugutan pada 19 Januari 2011. Kes ini telah disiasat oleh pihak PDRM dibawah Seksyen 506, Kanun Keseksaan iaitu menakutkan secara jenayah.

Pihak PDRM buat masa ini masih belum membuat sebarang tangkapan bagi kes tersebut. Sementara itu, pihak PDRM masih lagi meneruskan siasatan untuk mendapatkan keterangan lanjut bagi mengenal pasti suspek-suspek. Barang-barang bukti kes iaitu sekeping nota yang mengandungi tulisan berunsur ugutan serta rakaman CCTV pejabat tersebut telah dihantar kepada Jabatan Forensik untuk dianalisa bagi mengenal pasti suspek.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]

TARIKH

29 Mac 2011 (Selasa)

SOALAN

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah dan keberkesanan kedai rakyat di bawah kelolaan FAMA di seluruh negara dalam membangunkan ekonomi rakyat khususnya kawasan- kawasan di luar bandar

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah membangunkan sejumlah 95 buah Agrobazaar Kedai Rakyat sehingga 31 Januari 2011 di kawasan - kawasan berikut:

No.	Negeri	Bilangan
1.	Perlis	3
2.	Kedah	12
3.	Pulau Pinang	4
4.	Perak	6
5.	Selangor	10

6.	Negeri Sembilan	3
7.	Melaka	4
8.	Johor	13
9.	Pahang	3
10	Kelantan	15
11	Terengganu	11
12	Sabah	9
13	Sarawak	2
	JUMLAH	95

Berdasarkan kajian yang dibuat ke atas usahawan Agrobazaar Kedai Rakyat, projek ini telah memberikan impak yang positif kepada ekonomi peserta. Usahawan Kedai Rakyat yang dibangunkan dalam program ini telah berjaya meningkatkan 30% purata jualan mereka daripada jualan sebelumnya iaitu daripada RM50,000 kepada RM65.000 sebulan.

Agrobazaar Kedai Rakyat yang dibangunkan juga telah menjadi outlet petani - petani di kampung memasarkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan secara kecil-kecilan. Berdasarkan kepada kajian, sejumlah 1900 petani kecil telah mendapat faedah secara langsung melalui projek ini. Di samping itu, 950 pengusaha IKS di kampung-kampung dan sekitar kedai rakyat yang dibangunkan juga mendapat faedah langsung sebagai outlet pemasaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
 DARIPADA : Y.B PUAN NURUL IZZAH ANWAR
 [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 29 MAC 2011

SOALAN:

PUAN NURUL IZZAH ANWAR minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah sama ada Kerajaan akan memberi sokongan kepada cadangan SPR menggunakan dakwat kekal untuk jari pengundi yang sudah selesai mengundi dalam semua pilihanraya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan atas saranan dan permintaan parti-parti politik di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR. SPR telah pada dasarnya bersetuju untuk menggunakan dakwat kekal untuk dicalitkan ke atas kuku pengundi sebelum kertas undi diberikan kepadanya. Ini bermakna seseorang yang kukunya telah dicalitkan dengan dakwat kekal tidak boleh diberikankertas undi.

Untuk membolehkan kaedah yang hendak diperkenalkan ini,dilaksanakan, kajian-kajian yang terperinci telah dilakukan, yang berkaitan dengan undang-undang yang perlu digubal, di samping persediaan-persediaan lain yang wajar bagi menjalankan urusan itu. Hasil daripada kajian dan persediaan itu, beberapa masalah yang berkaitan dengan undang-undang, ketenteraman

dan keselamatan awam telah dikenal pasti.

Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna bahawa hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Peruntukan undang-undang yang perlu digubal, sekiranya penggunaan dakwat kekal hendak diperkenalkan, tidak boleh menjaskas hak seseorang pengundi untuk mengundi selaras dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, undang-undang yang digubal itu mesti mengadakan peruntukan untuk membenarkan seseorang pengundi yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal dan seseorang pengundi yang enggan kukunya dicalit, diberi kertas undi.

Peruntukan undang-undang yang sedemikian didapati tidak akan mencapai maksud asal SPR memperkenalkan penggunaan dakwat kekal.

Dari sudut praktiknya, jika SPR masih perlu memberikan kertas undi kepada pengundi yang sedemikian, maka kaedah tersebut tidak akan membawa makna atau memberi kesan positif, malah berpotensi besar untuk menimbulkan perselisihan faham serta pertengkaran dan pergaduhan di tempat mengundi.

Di samping itu laporan keselamatan yang diterima juga menunjukkan bahawa SPR perlu mengkaji semula cadangan penggunaan dakwat kekal itu dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam. Hasil siasatan terhadap laporan-laporan yang dibuat kepada pihak polis mengesahkan bahawa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah membeli dakwat dari luar negara. Mereka ini menjalankan aktiviti untuk memujuk dan menyogok orang-orang yang kurang faham dan jelas mengenai penggunaan dakwat kekal untuk mencelit kuku dengan dakwat yang dibeli itu sebelum hari mengundi, terutamanya masyarakat di luar bandar dan pedalaman. Ini bertujuan untuk menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka mengenai status pengundi berkenaan. Mereka ini mungkin dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi

pada hari pengundian. Selain itu, kemungkinan

ada di kalangan pengundi yang terpedaya itu tidak akan keluar mengundi kerana takut dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Sekiranya pengundi-pengundi itu hadir untuk mengundi, sudah tentu akan timbul keraguan di kalangan ejen calon dan petugas SPR tentang status pengundi-pengundi itu. Ini boleh menyebabkan tercetusnya kekecohan di tempat-tempat mengundi yang mungkin sukar dikawal jika berlaku secara berleluasa.

SPR memandang serius perkara-perkara yang disebut tadi kerana proses pengundian dan ketenteraman serta keselamatan awam tidak boleh sekali-kali dikompromi.

Berdasarkan nasihat dari segi perundangan dan dari sudut ketenteraman dan keselamatan awam, maka SPR yang bermesyuarat pada 4 Mac 2008 telah memutuskan untuk membatalkan cadangannya untuk memperkenalkan penggunaan dakwat kekal bagi Pilihan Raya Umum Ke- 12 yang lalu. SPR berasa amat dukacita atas keputusan tersebut. Namun begitu, demi menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya dalam menjamin kelancaran proses pengundian serta demi ketenteraman dan keselamatan awam, SPR perlu mengambil keputusan tegas dan muktamad ini.

Walhasil, 48,000 botol dakwat kekal yang telah dibeli dengan harga RM2.4

juta dari India, untuk kegunaan pilihan raya umum ke-12 lepas, tetapi tidak dapat digunakan kerana masalah keselamatan dan perundangan seperti yang telah dinyatakan tadi, telah dilupuskan pada 25 Oktober 2009, mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Peraturan Kerajaan iaitu melalui proses pembakaran.

Oleh yang demikian, SPR tidak bercadang untuk menimbang semula kaedah penggunaan ‘indelible ink’ pada hari mengundi kerana ia dianggap tidak lagi sesuai untuk digunakan. Namun demikian SPR sedang berusaha mencari kaedah baru yang lebih moden dan boleh diterima oleh semua pihak. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji penggunaan ‘biometrik’ yang dirasakan sesuai untuk digunakan bagi tuiuan pilihan raya. Namun demikian ia masih lagi di peringkat penelitian yang belum diputuskan kerana perlu melihat dari pelbagai sudut sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 6

NO. AUP : HT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH 29 MAC 2011

RUJUKAN 3423

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah
Kementerian dalam memastikan proses pendaftaran kelahiran dan
kad pengenalan di kalangan rakyat negeri Sabah dapat
dilaksanakan dengan berkesan dan telus agar ianya tidak disalah
gunakan khususnya yang boleh dimanfaatkan oleh pendatang asing
yang bukan rakyat Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dan pembetulan dalam memastikan proses pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan mengikut peraturan dan undang-undang berkaitan agar pengeluaran sijil kelahiran dan kad pengenalan teratur dan betul kepada orang yang layak sahaja.

Tuan Yang DiPertua,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa permohonan pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan perlu lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam memproses permohonan-permohonan tersebut Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai prosedur dan garis panduan dalaman yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu permohonan diluluskan.

Bagi pendaftaran kelahiran seseorang yang lahir di Malaysia adalah disyaratkan mengemukakan bukti dokument seperti berikut:-

1. Borang permohonan kelahiran (Borang A)
2. Pengesahan Kelahiran Doktor/Bidan yang lahir dihospital atau Klinik atau pengesahan pengehulu/ketua kampong bagi yang lahir dirumah tanpa menyambut Bidan yang bertauliah.
3. Kad Rawatan Ibu Mengandung.
4. Dokumen pengenalan Ibubapa.
5. Dokumen Perkahwinan (jika berkahwin)
6. Dokumen diri Pemaklum sekiranya bukan ibubapa kanak-kanak.

Bagi pendaftaran kad pengenalan kali pertama yang layak adalah disyaratkan mengemukakan keterangan dokumentar seperti berikut:-

1. Borang Permohonan (JPN.KP01)
2. Sijil Kelahiran/Pengesahan Taraf/Borang W/Permit Masuk dan Pasport yang sah.
3. Kad Pengenalan Ibubapa (menentuan taraf).
4. Dokumen perkahwinan ibubapa(jika berkahwin).
5. Ibubapa atau penjaga.

NO SOALAN:46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **DATO' RASHID BIN DIN**

TARIKH 29 MAC 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah keuntungan yang telah disumbang oleh Syarikat Twin Rivers Technologies Inc. semenjak dibeli oleh Kumpulan FELDA.

JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan luar negara yang dibuat oleh FELDA ini merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan daripada penjualan minyak sawit sahaja.

Rasional di sebalik pelaburan yang dilakukan oleh FELDA adalah untuk mencapai matlamat berikut; pertama mewujudkan *integrated value-chain* dalam Kumpulan FELDA yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri ole-chemical yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barang pengguna (*consumer product industry*).

Kedua mengenalpasti dan mewujudkan kelebihan sinergi di antara aktiviti *upstream* (perladangan), *midstream* dan *downstream* di dalam Kumpulan FELDA, ketiga memperkenal dan memperkuuhkan pasaran minyak kelapa sawit ke negara luar melalui anak syarikat serta syarikat usahasama di luar negara.

Pelaburan luar negara yang dilaksanakan oleh FELDA merupakan pelaburan jangka panjang dan masih di peringkat awal operasi.

oooooooooooooooooooo

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

[KINABATANGAN]

SOALAN NO.: 47

TARIKH : 29 MAC 2011

SOALAN

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Tentang langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan kejadian bencana banjir berlaku pada setiap tahun terutamanya di bandar- bandar di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dan komited kepada usaha-usaha untuk menangani masalah banjir di seluruh negara termasuk di bandar-bandar.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan mudah banjir seluruh Malaysia seluas 29,800 km persegi melalui kajian ‘National Register of River Basins’ pada tahun 2003.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengkaji punca-punca banjir melalui penyediaan pelan induk tebatan banjir. Pelan induk tersebut turut digunakan untuk perancangan tebatan banjir.

Setelah perancangan dimuktamadkan, rekabentuk terperinci dijalankan untuk menyediakan peian-pelan kejuruteraan sebelum pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan mudah banjir. Jumlah projek yang dapat dilaksanakan setiap tahun bergantung kepada jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kementerian.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan kejadian bencana banjir di bandar-bandar di negara ini termasuk:

- i. **Menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam di bandar-bandar utama di Malaysia;**
- ii. **Melaksanakan projek-projek menaiktaraf kolam-kolam takungan banjir;**
- iii. **Melaksanakan projek-projek menaiktaraf sistem saliran;**
- iv. **Menggalakkan penggunaan sistem penuaian air hujan; dan**
- v. **Mengurangkan kawasan-kawasan tidak telap air dengan menggalakkan penggunaan bahan-bahan telap air seperti di tempat meletak kenderaan, di padang permainan, sekitar kawasan kediaman dan jalanraya.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai contoh projek terowong SMART telah berjaya mencapai objektif pembinaannya dan terbukti mampu mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan di pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN NO SOALAN: 48
JAMALUDDIN (BUKIT GANTANG)**

**TARIKH : 29.03.2011
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah status serta tindakan yang diambil oleh pengurusan PLKN (khususnya di Sg Bakap) bagi menyelesaikan isu pemotongan/kehilangan rambut Basant Singh (seorang pelatih PLKN dari Ipoh).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari ini secara bersekali kerana kesemuanya adalah berkaitan. Ahli-ahli Yang Berhormat dan pertanyaan-pertanyaan yang dimaksudkan ialah:

Y.B Batu Gajah - Pada 09.3.2011, soalan No. 04

Y.B Puchong - Pada 24.3.2011, soalan No. 25

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah mengadakan dua siasatan dalaman bagi menyiasat aduan pelatih

Basant Singh. Manakala siasatan selanjutnya telah dilakukan oleh pihak PDRM. Siasatan yang telah dilakukan oleh pihak JLKN adalah:

- a. **Siasatan pertama dilakukan di peringkat kem yang diketuai oleh Kem Komandan pada 17 Januari 2011.**
- b. **Siasatan kedua telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JLKN pada 19 Januari 2011. Lembaga Siasatan ini telah diketuai oleh Pegawai Tentera berpangkat Kolonel yang juga Pengarah Operasi JLKN dengan dibantu oleh Pengarah Zon B berpangkat Komander TLDM.**

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 16 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan membantu siasatan. Hasil daripada siasatan tersebut, didapati tiada bukti yang menunjukkan berlaku sebarang perbuatan khianat yang dilakukan oleh pelatih-pelatih lain, para jurulatih mahupun di kalangan staf terhadap pengadu. Ini adalah kerana tiada sebarang cebisan rambut yang didakwa dipotong ditemui. Di samping itu juga, saksi-saksi dari kalangan rakan pengadu yang tinggal dalam *dormitory* yang sama mengesahkan bahawa tiada di kalangan mereka yang sedar atau terlihat kejadian tersebut.

Mengenai siasatan yang dilakukan oleh PDRM, hasilnya didapati tiada sebarang kesan dan bukti menunjukkan bahawa rambut pengadu telah dipotong. Oleh itu tiada saspek yang terlibat dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua,

JLKN sentiasa memberi perhatian serius mengenai aspek keselamatan bagi menjaga dan melindungi pelatih-pelatih dari sebarang perkara yang tidak diingini. Di antara langkah-langkah yang di ambil iaitu:

- a. Mengadakan Perintah Tetap Kem yang meliputi keselamatan pelatih dan pengurusan disiplin pelatih.**
- b. Mengadakan Lembaga Disiplin disetiap kem bagi mengadili dan memutuskan apa-apa perlanggaran arahan dan peraturan oleh pelatih.**
- c. Mewujudkan Pegawai Medan Bertugas, Pegawai Bertugas dan Jurulatih Bertugas Harian yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan ke tempat kediaman pelatih bagi menentukan keselamatan pelatih termasuk pada waktu malam.**

NO:49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]
TARIKH	29 MAC 2011
SOALAN	49

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh manakah penggunaan alat ganti tiruan kenderaan yang digunakan oleh syarikat pengusaha bas ekspres mampu mempengaruhi keselamatan di jalan raya di mana sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa kes kemalangan jalan raya

yang dilaporkan berpunca daripada penggunaan alat ganti tiruan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada laporan kemalangan bas yang disediakan oleh jabatan/agensi yang berkaitan, tiada bukti yang jelas menunjukkan bahawa penggunaan alat ganti tiruan merupakan punca kemalangan jalan raya yang melibatkan bas. Ini kerana kemalangan adalah lebih berpunca dari kelalaian manusia (67%), persekitaran jalan (28%) dan keadaan teknikal kenderaan (5%) yang mana alat ganti tiruan merupakan sebahagian daripada komponen teknikal kenderaan. Oleh itu, tidak dinafikan penggunaan alat ganti tiruan boleh menjelaskan tahap keselamatan kenderaan tersebut tetapi ianya merupakan sebahagian kecil daripada 5% komponen teknikal kenderaan. Ini kerana alat ganti tiruan tidak melalui pengujian standard dan keselamatan serta boleh menjelaskan prestasi sistem kenderaan.

Soalan Mo : 50

PEMBERSTAHU PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **LISAN** **Y.B. TUAN MOHD FSRDAUS BIN JAAFAR (JERAS)**

TARSKH 29.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD FSRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasionalnya diperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk setiap orang murid yang boleh menyebabkan para guru akan hiaang fokus kepada tugas mendidik sebaliknya akan lebih tertumpu kepada penyediaan KSSR.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di Malaysia, antara usaha yang telah diambil oleh KPM ialah melaksanakan transformasi kurikulum pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Transformasi kurikulum ini melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan, penjadualan waktu dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Transformasi kurikulum ini masih berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana FPK mengungkapkan hasrat bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah menghasilkan

individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Menerusi transformasi kurikulum, elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Transformasi kurikulum bermatlamat membentuk diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global. Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi dan zaman serba canggih ini, murid juga dilengkapkan dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Murid juga dipastikan mendapat pendidikan yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan industri khususnya dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, pembentukan kemahiran dalam sains dan teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini.

Dengan ini generasi yang dilahirkan berupaya menguasai bidang sains dan teknologi pada tahap tinggi. Seterusnya mereka mampu menjana idea baru dan boleh bertindak sebagai tenaga kerja yang berkeyakinan, berinteraksi dengan dunia luar serta dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERS PAN GLIM A WILFRED MOJILIP BUMBURING (TUARAN)
TARIKH	29.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING [TUARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan terkini projek SMK Pekan Nabalu di Sabah dan berapakah kos projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang membuat penilaian ke atas 44 petender yang telah menyertai tender projek ini yang mana tarikh tutupnya ialah pada 24 Januari 2011. Pembentangan pelantikan kontraktor kepada Lembaga Perolehan KPM dijangka dapat diadakan pada bulan Mac 2011. Anggaran terkini kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM45 juta.

No:52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]**

TARIKH

29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

52

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta menyatakan:-

MENTERI PENGANGKUTAN

- Apakah alasan-alasan mengapa keretapi baru tergendala di pelantar semasa perjalanan ujian di trek rel yang di naik taraf dari Kota Kinabalu ke Beauford. Bagaimana dan bilakah masalah itu diperbaiki; dan
- Berapa ‘derailment’ dan rel-rel yang dihanyutkan oleh banjir setiap tahun dalam tempoh 5 tahun terakhir di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- Dalam ujian perjalanan menggunakan lokomotif jenis “Diesel Multiple Unit”

(DMU) yang baru di atas landasan keretapi yang dinaik taraf, didapati bahawa badan DMU tersangkut di pelantar. Kejadian ini melibatkan sebuah stesen keretapi iaitu di Stesen Keretapi Membakut dan Stesen Keretapi Beaufort. Untuk makluman, landasan di kedua-dua stesen tersebut adalah dalam keadaan selekoh. Terdapat “super elevation” pada landasan di kawasan tersebut bagi membolehkan stokereta bergerak pada kelajuan tinggi dengan selamat. Walaubagaimanapun, apabila DMU tersebut berhenti di stesen keretapi tersebut (Stesen Keretapi Membakut dan Stesen Keretapi Beaufort) badan DMU didapati bersentuhan dengan pelantar di kedua-dua stesen keretapi tersebut. Kejadian ini disebabkan oleh badan DMU yang senget disebabkan oleh “super elevation” pada landasan di kawasan tersebut.

Tindakan pemberian telah dilakukan dengan serta merta oleh pihak kontaktor yang juga turut serta dalam ujian perjalanan ini. Tindakan yang diambil ialah dengan mengurangkan “super elevation” pada landasan di kawasan tersebut dan akibat daripada tindakan ini, kelajuan di landasan tersebut telah dapat dihadkan. Walaubagaimanapun, pengurangan kelajuan di kawasan tersebut tidak memberikan kesan serius kepada perkhidmatan keretapi memandangkan landasan tersebut terletak dalam kawasan limbung stesen keretapi dimana semua stokereta yang melalui kawasan limbung stesen perlu memperlahangkan kelajuan. Secara kesekuruhannya, masalah ini telah dapat diatasi sepenuhnya.

- Berikut merupakan butiran lengkap berhubung dengan kegelinciran (*Derailment*) yang berlaku sepanjang 5 tahun terakhir bagi perkhidmatan keretapi Jabatan Keretapi Negeri Sabah.
 - 2006 - 2 kegelinciran

- 2007 **3 kegelinciran**
- 2008 **3 kegelinciran**
- 2009 **2 kegelinciran**
- 2010 **4 kegelinciran**

Sepanjang tempoh 5 tahun terakhir, tiada rel-rel keretapi yang dihanyutkan, walaubagaimanapun terdapat beberapa kejadian hakisan tebing sungai dan kejadian tanah runtuh di sepanjang laluan untuk sektor Beaufort - Tenom.

Soalan No : 53

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH	29.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah resolusi yang telah dicapai mengenai Jawatankuasa Khas Mengkaji Beban Tugas Guru sebagai usaha memastikan golongan guru boleh memberi lebih tumpuan pada pembelajaran dan pengajaran khas.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa perakuan seperti mana yang telah diminta oleh Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG). Antara langkah yang diambil ialah menempatkan dua (2) orang Pembantu Tadbir (PT) Perkeranian dan Operasi (P/O) Gred N17 di sekolah menengah gred A yang mempunyai enrolmen melebihi 1,500 orang murid. Penempatan dua (2) orang PT (P/O) Gred N17 tersebut telah dilaksanakan secara rintis di 50 buah sekolah terpilih untuk tempoh setahun dan kajian eksperimental akan dilaksanakan bagi melihat keberkesanan usaha ini.

Rjm 74

NO SOALAN:46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]

TARIKH 29 MAC 2011

SOALAN

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam dan perkembangan mutakhir cadangan penambahbaikan skim juruteknik dan pelukis pelan yang tertangguh sejak tahun 1985.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian penambahbaikan skim-skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan Juruteknik dan skim perkhidmatan Pelukis Pelan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Hasil kajian akan diteliti bagi menentukan keperluan untuk pelaksanaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 70

NO. AUP : JS"

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT LISAN
DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH 29 MAC 2011
RUJUKAN 3430

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah penduduk asal Malaysia yang masih belum mendapat taraf kerakyatan di negeri Sabah dan Sarawak, mengikut pecahan kaum; dan
- (b) mengapakah perkara ini berlaku serta apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi isu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi soalan (a), isu penduduk asal Malaysia di Sabah dan Sarawak tidak timbul kerana berdasarkan Perkara 16A Perlembagaan Persekutuan, sesiapa sahaja yang bermastautin di negeri Sabah dan Sarawak sebelum Hari Malaysia berhak didaftarkan sebagai warganegara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, isu penduduk asal Sabah dan Sarawak yang berkelayakan dan tidak mendapat taraf kerakyatan Malaysia tidak wujud sama sekali. Dalam konteks ini, Kementerian akan memproses permohonan kewarganegaraan sekiranya dikemukakan berlandaskan syarat-syarat yang termaktub di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Bagi menangani isu ini, Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengambil pendekatan dengan memperkenalkan program ‘outreach’ melalui penubuhan Pasukan Unit Khas Bergerak

(UKB) yang disasarkan ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi mendaftar mereka yang menghadapi kesukaran untuk ke JPN yang berhampiran.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

[MACHANG]

SOALAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG 1

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah kes yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan terhadap kegiatan pemberi pinjam wang haram di Malaysia dalam tempoh 3 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Polis Di Raja Malaysia, sebanyak 1018 kes berkenaan pemberi pinjam wang haram tanpa lesen telah diambil tindakan dari tahun 2008 sehingga

SOALAN (56)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

tahun 2010. Pecahan kes tersebut mengikut tahun adalah tahun 2008 sebanyak 256 kes, tahun 2009 sebanyak 483 kes dan tahun 2010 sebanyak 279 kes.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

DARIPADA
PERTANYAAN
TARIKH
SOALAN

LISAN
DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG
BESAR)
29 MAC 2011 (S EL AS A)
DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan sama ada beliau sedar tentang
wujudnya masalah "padi angin" hari ini, di
kawasan-kawasan padi, yang pasti membawa
kerugian kepada petani-petani. Minta penjelasan
sama ada ini disebabkan masalah "genetic", dan
apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN OLEH

Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang sedar dan prihatin terhadap masalah 'Padi Angin' seperti yang dibangkitkan oleh YB Padang Besar tersebut. Sememangnya padi angin kini merupakan masalah utama dalam tanaman padi khususnya yang mengamalkan kaedah taburterus.

Insiden padi angin adalah berkaitan dengan masalah genetik. Dari segi tampilan am (taksonomi) dan fisiologi, padi angin tidak banyak berbeza dengan padi biasa. Perbezaan utamanya ialah bijinya mudah gugur dari tangkai dan oleh itu tidak dapat

dituai sebagai hasil. Ia membiak melalui biji benih yang gugur. Padi angin mempunyai pelbagai rupa bentuk. Biji benih dan kulit biji (pericarp) kebanyakannya berwarna merah. Penggunaan benih tidak berkualiti, amalan taburterus basah yang berterusan dan penuaian dengan jentuai telah meningkatkan masalah padi angin.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan melalui MARDI telah menjalankan penyelidikan untuk mengawal masalah padi angin ini. Hasil daripada penyelidikan tersebut beberapa teknologi kawalan yang berkesan telah diwujudkan dan diperkembangkan kepada petani-petani. Kawalan-kawalan ini memerlukan beberapa langkah bersepada seperti berikut:

- i) operasi pembakaran jerami yang seragam, pembajakan berperingkat dan perataan tanah dilakukan semasa peringkat penyediaan tanah dan pra-tanam. Di peringkat ini juga, kaedah tabur terus dalam air digunakan sekiranya serangan padi angin musim lalu melebihi 6 tankgai/m^2 dan kaedah mencedung digunakan jika serangan lebih serius iaitu melebihi 20 tangkai/m^2 ;
- ii) di peringkat pertumbuhan tanaman, kawalan adalah terhad dengan kaedah manual iaitu dengan mencabut dan memangkas tangkai padi angin; dan
- iii) teknologi baru juga diperkenalkan iaitu melalui *Sistem Pengeluaran Clearfield* yang menggunakan varieti padi dan racun khas dalam mengatasi masalah padi angin.

NO SOALAN:58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BON OMAR

TARIKH

29 MAC 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria serta syarat pemilihan dan pelantikan Tan Sri Isa Samad sebagai Pengurus FELDA sehingga menyebabkan pasaran saham menjadi tidak menentu seperti yang didakwa oleh Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment, Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pengurus FELDA yang baru adalah berdasarkan pengalaman beliau yang luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan, kepimpinan dan pembangunan komuniti. Beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Pengurus FELDA mulai 2 Januari 2011 hingga 31 Disember 2013 .

Adalah tidak benar pelantikan Tan Sri Mohd Isa sebagai Pengurus FELDA akan menjaskan pasaran saham dan ia tidak ada kaitannya dengan jatuh naik harga pasaran saham. Indeks Komposit (IK) pada 30 Disember 2010 ditutup pada paras 1,518.91 mata. IK telah didagangkan dalam jajaran sekitar 50 mata pada suku tahun keempat 2010. Pada awal Januari 2011, IK telah dibuka pada paras 1,524.53 mata dan ditutup pada paras 1,533.42 mata, meningkat sebanyak 14.51 mata berbanding 30 Disember 2010. Malah IK tertinggi pernah dicatat dalam bulan Januari 2011 di paras 1,700 mata.

Oleh yang demikian, dakwaan berlakunya kepincangan dalam pasaran saham yang disebabkan pelantikan Pengurus FELDA adalah tidak berkaitan. Pada masa ini tiada anak-anak syarikat FELDA yang tersenarai dalam pasaran saham. Nama baik FELDA sedikitpun tidak terjejas berikutan pelantikan ini. Rakan-rakan niaga FELDA dalam dan luar Negara seperti Pakistan, India, Singapura, Mesir, Perancis, Pakistan, China, Hong Kong, India, Sri Lanka, Bangladesh, Afrika Selatan dan lain-lain terus memberi sokongan kepada perniagaan FELDA.

Secara keseluruhan, pelantikan Pengurus FELDA yang baru tiada kaitan dengan pasaran saham. Pandangan oleh pihak yang berkenaan adalah tidak relevan dan bersifat peribadi yang tiada kaitan dengan pelantikan Pengurus FELDA yang baru.

NO SOALAN:60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTAWARIAHAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO'SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
 [SIBUTI]

TARIKH 29 MAC 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk memperkenalkan rawatan alternatif seperti urutan tradisional pesakit angin ahmar di hospital Kerajaan bagi memberi peluang alternatif kepada pesakit dan kos rawatan urutan tradisional juga dirasakan lebih kos efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah yang proaktif dalam menerapkan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) selaras dengan visi PT&K yang telah dilancarkan pada tahun 2001. Visi dasar ini adalah untuk mengintegrasikan secara optimum PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkat kesihatan dan kualiti hidup.

Selaras dengan visi ini kerajaan telah mula memperkenalkan amalan-amalan PT&K di hospital-hospital kerajaan. Amalan urut tradisional dan akupunktur untuk rawatan pasca-strok (angin amar) mula diperkenalkan di Hospital Kepala Batas pada tahun 2007. Seterusnya Kementerian Kesihatan telah menawarkan perubatan ini di 8 buah hospital lagi iaitu di

Hospital Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya;
Hospital Sultan Ismail, Johor Baru, Johor;
Hospital Nur Zahirah Kuala Terengganu, Terengganu;
Hospital Duchess of Kent, Sandakan Sabah;
Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak;
Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan;
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah dan
Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Cameron Highland,
Pahang

Urut tradisional dan akupunktur juga digunakan bagi rawatan sakit yang kronik. Di samping itu, Unit-unit PT&K juga turut menyediakan rawatan herba sebagai rawatan sampingan bagi pesakit kanser dan penjagaan selepas bersalin.

Perkhidmatan PT&K juga akan dikembangkan di lain-lain hospital bagi memberi peluang kepada rakyat untuk menikmatinya. Untuk tahun 2011 misalnya, perkhidmatan PT&K akan di perkenalkan di Hospital Raja Perempuan Zainab 2, Kota Baharu, Kelantan.

SJ./B(61)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
 HAMID [KUALA LANGAT]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 29.3.2011

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tuntutan bayaran pampasan pengurusan jenazah penjawat awam yang mana sekarang hanya diberikan RM2,500.

JAWAPAN:

Selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2010, Perbendaharaan telah meminda peraturan semasa berhubung pengurusan jenazah di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dengan menaikkan kadar mengurus jenazah penjawat awam daripada RM1.000 kepada RM3.000. Kadar baru ini adalah berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2010 di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2010. Bantuan mengurus jenazah boleh dibuat secara tunai, cek atau EFT.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
	(MUKAH)
TARIKH	29.03.2011
SOALAN:	

Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [MUKAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan peruntukan yang telah digunakan bagi pembinaan sekolah gantian di kawasan luar bandar Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke 8 dan 9 dan berapakah peruntukan dalam Rancangan Malaysia ke 10.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) bagi projek sekolah gantian di negeri Sarawak ialah sebanyak RM 22.97 juta manakala peruntukan bagi RMKe-9 ialah sebanyak RM783.44 juta. Anggaran peruntukan bagi Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (*1st Rolling Plan*) ialah sebanyak RM 425.21juta.

Rjm 75

NO. AUM : 59

Soalan No : 63

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH 29 MAC 2011

RUJUKAN 3429

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan, kerasionalan dan kesan negatif mengganti pistol S&W M15 PDRM dengan semi-auto pistol yang lebih kuat dan lethal memandangkan negara China pun membuat keputusan untuk menukarkan semi-auto pistol polis ke revolver.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM tidak memiliki senjata api jenis pistol S&W M15 seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera, sebaliknya PDRM hanya memiliki Revolver S&W .38 ‘*Special*’ pelbagai model yang berukuran 2 inci, 3 inci dan 4 inci. Rasionalnya penggantian dilaksanakan kerana sebahagian besar senjata api jenis Revolver S&W .38 ‘*Special*’ berada dalam keadaan usang dan pada keseluruhannya secara purata berumur 40 tahun. Selain daripada itu, penggunaan Pistol Semi Auto dapat meningkatkan moral, keyakinan dan mengambil kira kecekapan pegawai dan anggota PDRM yang melibatkan tugas-tugas pencegahan jenayah.

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN
(PENDANG)

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd ⁶³ Hayati Bin Othman (Pendang) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tatacara sistem AES yang akan digunakan berserta kaedah saman yang akan diberikan kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

AES adalah suatu sistem yang berteknologi tinggi di mana ia berupaya mengesan dan merakam kesalahan lalulintas yang melibatkan pelanggaran lampu isyarat dan memandu melebihi had laju. Maklumat-maklumat kesalahan ini kemudiannya dihantar secara *real time online* ke

pusat kawalan AES (*AES control center*). Sistem ini seterusnya akan mengeluarkan notis secara automatik dan dihantar melalui pos berdaftar kepada pemilik kenderaan. Pemilik kenderaan diberikan tempoh 1 bulan daripada tarikh pengeluaran notis untuk mengemukakan maklumat orang yang melakukan kesalahan tersebut kepada JPJ sekiranya bukan beliau yang melakukannya. Berdasarkan maklumat daripada pemilik kenderaan, saman akan dikeluarkan oleh pihak JPJ terhadap orang yang melakukan kesalahan tersebut.

Jika pemilik kenderaan tidak memaklumkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam tempoh 1 bulan, maka pemilik kenderaan dianggap telah melakukan kesalahan tersebut seperti mana peruntukan di bawah Seksyen 53(B) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) (Pindaan) 2010.

Seterusnya, mana-mana orang yang menerima saman melalui sistem ini, akan diberikan tempoh selama 3 bulan bagi menyelesaiannya dan mata demerit tidak akan dikenakan sekiranya saman diselesaikan dalam tempoh ini. Sekiranya pesalah memilih untuk tidak menyelesaikan samannya dalam tempoh tersebut, maka mata demerit akan dikenakan secara automatik seperimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 35(8) & 35(8A) APJ (Pindaan) 2010.

SOALAN NO. 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan status 148 projek terbengkalai Kerajaan Persekutuan di Kelantan setakat ini dan apa puncanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa teliti dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan agar ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya faedahnya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini tiada projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dikategorikan sebagai projek

SOALAN 65

terbengkalai di negeri Kelantan.

JAWAPAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN

DARIPADA

HAJI MAHAL [LABUAN]

TARIKH

29 MAC 2011

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Apakah langkah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara ke Labuan bagi meningkatkan ekonomi masyarakat di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pulau Labuan memang terkenal sebagai tempat yang menarik untuk dilawati serta masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan adat resam yang berbeza. Keistimewaan ini merupakan antara daya tarikan utama yang mampu menarik pelancong tempatan mahupun antarabangsa ke Labuan.

Kementerian Pelancongan, melalui agensinya Tourism Malaysia cawangan Sabah sentiasa berkerjasama dengan pihak Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan, Sabah Tourism Board dan kerajaan negeri dalam menggalakkan industri pelancongan di Labuan mahupun negeri Sabah secara amnya

Dalam meningkatkan lagi ekonomi masyarakat di Labuan, Kementerian melalui agensinya Tourism Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelancong dari dalam dan luar negara melancong ke Labuan:

Diantara langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan lagi pelancong tempatan dan pelancong luar negara ke Labuan adalah;

1. Penyertaan dalam pameran untuk mempromosikan Labuan semasa Misi Jualan Domestik (MJD) seperti Cuti Cuti 1 Malaysia Travel Fair, MATTA Travel Fair dan pameran di luar negara seperti ITB,Berlin, World Travel Mart, London dan NATAS di Singapura dengan kerjasama pejabat- pejabat Tourism Malaysia di luar negara.
2. Menganjurkan program '*Familiarization Trip*' dengan menjemput pengusaha pelancongan tempatan dan media asing dalam mengadakan lawatan ke tempat pelancongan yang menarik melalui program dan aktiviti pelancongan di Labuan. Melalui program ini, Labuan akan didedahkan kepada pelancong tempatan dan luar negara secara lebih dekat lagi melalui penjualan pakej-pakej pelancongan dan pendedahan dalam media massa dan elektronik.
3. Mengadakan promosi di luar negara melalui agensi pelancongan di luar negara secara usahasama dengan pengusaha pelancongan, pejabat-pejabat Tourism Malaysia dan pejabat MAS di luar negara. Jumlah kerusi yang ditawarkan oleh MAS dan Air Asia ke Labuan ialah

sebanyak 11,648 seminggu dengan jumlah 91 penerbangan.

Homestay juga merupakan salah satu produk pelancongan yang terkenal di Labuan. Terdapat 3 buah Homestay berdaftar di Labuan yang telah menjana pendapatan sebanyak RM405,781 pada 2010. Sehubungan dengan itu, ke tiga-tiga buah Homestay tersebut telah dilibatkan dalam program-program promosi seperti Misi Jualan Domestik, MATTA Travel Fair dan Brunei Travel Fair bagi menggalakkan kedatangan pelancong pada masa hadapan.

Pengeluaran risalah-risalah pelancongan dan video mengenai Labuan untuk edaran. Pakej pelancongan Labuan yang kreatif dan inovatif oleh agensi-agensi pelancongan juga di tawarkan dan dijual kepada orang ramai.

Mempromosikan program-program yang di rancang sepanjang tahun 2011. Antara aktiviti tersebut ialah:

- i) Labuan International Sea Challenge (April 2011)
- ii) Karnival Pelancongan Remaja (Mei 2011)
- iii) Borneo International Yatching Challenge (Julai 2011)
 - iv) Borneo Arts Festival (Julai 2011)
 - v) Remembrance Day (13 November 2011)

PERTANYAAN LISAN

DARIPADADATUK JUSLIE BIN AJIROL

[LIB ARAN]

SOALAN NO: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH : 29 MAC 2011 [SELASA]

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah benar Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) yang diberikan mandat untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam kemajuan ekonomi negara belum membantu ke arah itu.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penubuhan Ekuinas adalah satu mekanisme baru bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan dilaksanakan berasaskan pendekatan meritokrasi untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat bagi bidang-bidang yang telah dikenalpasti. Terdapat dua kategori pelaburan yang dilaksanakan oleh Ekuinas iaitu pelaburan secara langsung dan pelaburan secara penyumberan luar atau dengan izin, *outsourcing*.

Pelaburan langsung didefinisikan sebagai pelaburan dalam syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi, pembelian (*buy-out*) syarikat tempatan yang mantap dan pembelian aset atau syarikat bukan teras daripada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat awam berhad (PLC) dan syarikat multi nasional (MNC).

Sejak beroperasi pada bulan September 2009, Ekuinas telah menerima serta menilai 227 cadangan perniagaan daripada syarikat yang memerlukan suntikan modal. Setelah melalui proses penilaian, empat buah syarikat telah dipilih dengan jumlah pelaburan RM482.68 juta seperti berikut:

<u>Syarikat</u>	<u>RM Juta</u>
1. Alliance Cosmetics Group	39.88
2. Tanjung Offshore Berhad	99.80
3. Konsortium Logistik Berhad	241.00
4. Asia Pacific Institute Of Technology Sdn. Bhd./University College of Technology and Innovation (APIIT/UCTI)	102.00
Jumlah	482.68

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pelaburan secara penvumberan luar pula, pemilihan firma dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan syarikat yang dipilih memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan oleh Ekuinas. Sehubungan itu, tiga firma yang telah berjaya dilantik sebagai Pengurus Dana Terpilih adalah seperti berikut:

Syarikat

1. CIMB Private Equity Sdn. Bhd.
2. KFH Asset Management Sdn. Bhd.
3. Navis Capital Partners

Ekuinas telah memberi mandat pelaburan sebanyak RM400 juta manakala tiga firma ini telah berjaya mendapat pelaburan persendirian sebanyak RM113 juta lagi. Ini bermakna dana terbentuk sebanyak RM513 juta yang akan dilabur di dalam syarikat berpotensi besar untuk 2-3 tahun akan datang.

Kriteria pemilihan firma sebagai Pengurus Dana adalah berdasarkan rekod prestasi pelaburan firma yang kukuh, pengalaman pelaburan kumpulan, proses pelaburan yang telus, keupayaan firma mengumpulkan dana modal persendirian dan kesesuaian operasi firma dengan garis panduan pelaburan Ekuinas.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan memberi penekanan kepada aspek penguasaan dan pengekalan pemilikan ekuiti, Kerajaan yakin pemilikan ekuiti Bumiputera boleh dipertingkatkan melalui pelaburan Ekuinas. Prinsip pemilihan *investee company* yang berasaskan meritokrasi dan kewibawaan syarikat dapat menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera yang lebih bermakna dan berkekalan.

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUAU CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN (67)

SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama add Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk menjalankan pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian semula keperluan pilihanraya kerajaan tempatan tidak akan diadakan kerana Kerajaan tidak akan mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan. Ini kerana ia melibatkan pertambahan kos dan akan membebankan kewangan Negara. Tambahan pula, dikhawatiri pilihanraya kerajaan tempatan ini juga akan menjelaskan prestasi penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat kerana ia perlu membahagikan sumber sedia ada yang sangat terhad untuk mengendalikan hal-hal berkaitan urusan pilihanraya.

NO. AUM : 31

NO. AUP : (,%

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA

LISAN

TARIKH

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

RUJUKAN

29 MAC 2011

3426

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada atau pun tidak Kerajaan berhasrat menubuhkan satu institusi forensik jenayah yang bebas untuk membantu PDRM di dalam siasatan kes-kes jenayah dan juga pihak-pihak yang memerlukan pendapat bebas berkenaan siasatan dalam kes-kes jenayah dan sekiranya ya, kenapa dan bila ianya akan ditubuhkan dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, forensik boleh ditakrifkan sebagai kaedah-kaedah sains kepada undang-undang. Di Malaysia, Jabatan Forensik di Jabatan Kimia Malaysia telah wujud sejak tahun 1957 untuk membantu dalam penyiasatan kes-kes melibatkan jenayah. Kos penyelenggaraan makmal forensik adalah tinggi kerana makmal ini memerlukan peralatan yang canggih serta kepakaran ahli sains forensik yang bertauliah untuk menjalankan analisis.

Pada masa kini terdapat dua (2) buah agensi Kerajaan yang menjalankan analisis sains iaitu Jabatan Kimia Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Sehingga kini tiada institusi atau agensi berkaitan analisis sains forensik yang bergerak secara sendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Makmal forensik yang terdapat di Malaysia sekarang adalah dibawah Jabatan Kimia Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia yang bertanggungjawab menjalankan penyiasatan dan analisis barang kes. Selain itu terdapat juga institusi atau jabatan forensik di beberapa institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Walau bagaimanapun kesemua

institusi tersebut lebih mengutamakan kepada menjalankan kajian saintifik yang bertujuan akademik dan melatih graduan-graduan baru.

Pada masa kini pihak Kerajaan belum berhasrat untuk menubuhkan Institusi Forensik swasta untuk menjalankan analisis kes-kes yang melibatkan jenayah. Adalah memadai dengan adanya Jabatan Kimia Malaysia serta Polis DiRaja Malaysia untuk menjalankan analisis terhadap barang-barang kes yang melibatkan sisa-satan forensik.

SOALAN NO. 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG

[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci perbelanjaan peruntukan pembangunan kawasan Parlimen Bukit Mertajam bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan apakah rancangan di bawah peruntukan untuk 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) yang berakhir pada tahun 2010, sebanyak 77 projek kementerian/jabatan/agensi persekutuan telah diluluskan di Parlimen Bukit Mertajam dengan siling peruntukan sebanyak RM541.3 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 projek telah berjaya disiapkan, manakala bakinya sebanyak 11 projek telah disambung di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Dalam RMK-10 yang bermula pada tahun 2011, sebanyak 17 projek telah dirancang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Bukit

N0:70

Mertajam dengan siling peruntukan sebanyak RM 443.4 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

N0:71

DARIPADA

PERTA
NYAAN
: LISAN

TARIKH NO.

**DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] 29 MAC
2011 (SELASA)**

SOALAN

S? 7b

SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan penjelasan dan sebab-sebab kenapakah peningkatan penduduk Sabah telah meningkat begitu tinggi sejak tahun 1975 hingga hari ini jika dibandingkan dengan Sarawak dan Semenanjung dan berikan butir-butir bilangan penduduk tahunan dan peratusan peningkatan ini.

Jawapan

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia dilaksanakan setiap sepuluh tahun sekali. Sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963, lima bincian telah dilaksanakan iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010.
- 2) Berdasarkan data banci 1970 dan 2010, kadar pertumbuhan purata tahunan penduduk Malaysia adalah 4.2%. Manakala negeri Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 9.5% (Data Jabatan Perangkaan Malaysia dilampirkan). Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pertumbuhan penduduk adalah pertumbuhan semulajadi akibat kelahiran, kematian, dan juga

aliran migrasi.

N0:72

- 3) Banci penduduk dan Perumahan tahun 2010 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merangkumi rakyat tempatan dan pendatang asing yang terdiri dari tiga golongan iaitu buruh asing, pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI). Oleh yang demikian, kehadiran pendatang asing di Sabah semasa banci dijalankan merupakan antara faktor yang menyebabkan pertambahan mendadak jumlah penduduk di Sabah.
- 4) Kehadiran pendatang asing di Sabah yang dikategorikan sebagai buruh asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah bersifat sementara kerana bagi buruh asing kehadiran mereka adalah terhad bagi tempoh yang ditetapkan. Sementara bagi PATI bilangan kehadiran mereka tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan dan pengusiran yang dilaksanakan secara berterusan. Hanya golongan pelarian sahaja dibenarkan tinggal di Sabah atas dasar perikemanusiaan.
- 5) Justeru, jumlah penduduk di Sabah pada sesuatu masa boleh berubah bergantung kepada jumlah kehadiran pendatang-pendatang asing tersebut serta tindakan penguatkuasaan oleh kerajaan. Usaha-usaha penangkapan dan pengusiran PATI dan penguatkuasaan bagi memastikan buruh asing yang telah tamat tempoh pas kerja kembali ke negara asal sentiasa dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasfh.

Warganegara	Tahun				
	1970	1980	1991	2000	2010
Negeri: Semenanjung					
Warganegara Malaysia	8,780,728	10,944,844	13,833,005	17,050,435	
Sukan warganegara	—		298,718	598,831	
Jumlah	8,780,728	10,944,844	14,131,723	17,649,266	22,025,772
Tahura		1970-1980	1980-1991	1991-2000	2000-2010
Kadar pertumbuhan purata tahunan (&)		2.2	2.3	2.5	2.2
Negeri: Sabah					
Warganegara Malaysia	651304	929,299	1,309,510	1,915,279	
Bukan warganegara	—		425,175	552,967	
Jumlah	651,304	929,299	1,734,685	2,468,246	3,120,040
Tahun		1970-1980	1980-1991	1991-2000	2000-2010
Kadar pertumbuhan purata tahunan (96)	L. 34		5.7	3.9	2.3
Negeri: Sarawak					
Warganegara Malaysia	887,292	1,235,553	1,625,599	1,949,008	
Bukan warganegara	—		17,172	60, ass	
Jumlah	887,292	1,235,553	1,642,771	2,009,893	2,420,009
Tahun		1970-1980	19SO-1991	1991-2000	2000-2010
Kadar pertumbuhan purata tahunan (%)		3.3	2.6	2.2	1.9
Negeri WP labuan					
Warga negara Malaysia	17,173	26,413	44,193	56,816	
Bukan warganegara	—	—	10,048	14,055	

Jumlah	17,173	26,413	54,241	70,871	85,272
Tahun		197C-198Q	1930-1991	1991-2000	2000-2010
Kadar pertumbuhan puratatahunan (%)		43	6.5	3.0	1.8

Sumber:

1. Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia

Data 2010- adalah berdasarkan laporan Kiraan Permulaan Band 2010 yang diterbitkan pada 22 Disember 2010. Maklumat terperinci hanya dapat disediakan pada Jilid 2011

Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri 29 Mac 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
SOALAN (71)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan peruntukan dari Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Tempatan Ipoh 2020 di mana projek-projek pembangunan yang dirancang untuk tahun 2010- 2020 dijangka memerlukan sebanyak RM 3.1 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Rancangan Tempatan Kawasan Majlis Bandaraya Ipoh 2010 - 2020 yang telah disediakan pada tahun 2009, jumlah peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan cadangan projek-projek awam dan swasta dalam RT ini

adalah sejumlah RM 3.1 billion melibatkan pembangunan kemudahan persekitaran, infrastruktur, sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dan pembangunan harta tanah oleh pihak swasta.

Pelaksanaan projek-projek pembangunan awam yang telah dikenalpasti dalam dokumen Rancangan Tempatan tersebut adalah dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya yang akan diselaraskan oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh selaku pihak berkuasa perancang tempatan.

Anggaran keseluruhan peruntukan pembangunan yang diperlukan sepanjang tempoh RMK 10 dan RMK 11 (2011 - 2020) adalah melalui pembiayaan bersama pihak kerajaan yang melibatkan Majlis Bandaraya Ipoh, Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 1.3 bilion (42.35%) dan inisiatif pelaburan swasta berjumlah RM1.8 billion (57.65%).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUILUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 29 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengapakah Kerajaan tidak menggalakkan pengeluaran filem-filem tempatan untuk mempromosi integrasi kaum di Malaysia bagi membantu usaha melahirkan rakyat yang lebih bersatu padu berbanding dengan lambakan filem yang kurang bermutu berada di pasaran selain sikap rakyat yang kurang gemar membaca.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan pengeluaran filem-filem tempatan yang mempromosikan integrasi antara kaum di Malaysia. Sebagai contoh, filem Estet terbitan Naga VSX Sdn. Bhd. pada tahun 2010 merupakan sebuah filem yang mengabungkan kisah penuh aksi, lucu dan tauladan antara masyarakat Tamil dan Melayu. Pengarah Yasmin Ahmad pula semasa hayatnya sentiasa menampilkan pelakon-pelakon

pelbagai kaum dan menyelitkan mesej-mesej perpaduan dalam filem arahannya seperti Muallaf, Sepet dan Gubra.

Selain itu, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah mengambil inisiatif menyediakan Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan. Danaini bertujuan memangkin pembangunan penerbitan filem kenegaraan dan warisan yang boleh menjadi medium untuk menyatupadukan rakyat tempatan pelbagai kaum dan meningkatkan semangat patriotisme melalui filem-filem yang berunsurkan sejarah.

NO. AUM : 46

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH 29 MAC 2011

RUJUKAN 3428

SOALAN:

Tuan Chong Chleng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan siasatan yang telah dibuat atas laporan polis No. Gita/006084/09 di mana dua ahli jawatankuasa cawangan Sarawak People's United Party (SUPP) dan beberapa orang lain telah dituduh membuat kenyataan palsu (perjury) di mahkamah dalam kes Election Petition No. 26-01-2008-1 di Mahkamah Tinggi Kuching.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Laporan Polis No:Gita/006084/09 adalah berkenaan dua ahli jawatankuasa cawangan Sarawak People's United Party (SUPP) dan beberapa orang yang lain telah dituduh membuat kenyataan palsu (perjury) di mahkamah berhubung kes Election Petition No. 26-01-2008-1 di Mahkamah Tinggi Kuching.

YB Tuan Chong Chieng Jen adalah pengadu dan kes telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 181 Kanun Keseksaan. Terdapat enam (6) orang saksi didalam kes ini dan dua (2) orang saksi telah dirakam percakapannya. Terdapat satu (1) orang saksi masih tidak dapat dikesan lagi manakala baki tiga (3) orang saksi yang telah dapat sedang menunggu untuk diambil rakaman percakapan mereka.
Tuan Yang Dipertua,

Dalam siasatan kes ini, masih terdapat isu-isu yang perlu dirungkaikan berdasarkan kepada nota keterangan dari Mahkamah

Persekutuan yang mendengar kes tersebut. Seterusnya rakaman percakapan tiga (3) orang saksi yang terdiri daripada peguam-pegawai didalam kes ini akan diambil.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penelitian terhadap kes ini menunjukkan bahawa YB Tuan Chong Chieng Jen sendiri adalah pengadu dalam kes ini. Oleh itu, keputusan Yang Dipertua Parlimen sebelum ini yang menyatakan isu-isu yang mempunyai kepentingan peribadi harus dihindar daripada dibawa ke Parlimen.

NO. SOALAN : 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN
	PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
TARIKH	[KUANTAN]
	29.03.2011 (SELASA)

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengawal kenaikan harga barang kawalan di saat penyelarasan harga minyak petrol/diesel dilaksanakan oleh Kerajaan dan apakah mekanisma untuk memastikan peruncit tidak menaikkan harga barang kawalan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penyelarasan harga minyak petrol pada 4 Disember 2010 hanya memberikan kesan yang minima kepada pengguna dan ianya tidak mempengaruhi kenaikan barang-barang kawalan. Walaubagaimana pun, terdapat segelintir peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan semasa kenaikan harga minyak petrol/diesel.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang ialah:

- i. menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang perlu secara pentadbiran melalui persetujuan di antara pihak industri dan Kementerian. Sebarang perubahan harga barang ini perlu mendapat kebenaran daripada Kementerian;
- ii. menetapkan harga barang secara undang-undang sama ada di peringkat borong dan runcit di bawah Akta Kawalan Harga 1946 seperti gula pasir putih bertapis halus dan kasar;
- iii. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Kaamatan dan Hari Gawai;
- iv. mengambil tindakan tegas terhadap aduan pengguna mengenai peniaga yang menaikkan harga barang secara melampau dan sewenang-wenangnya;
- v. membuat pemantauan setiap minggu di buat di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan *hypermarket* dan juga ke atas makanan sedia masak untuk mendapatkan trend perubahan harga ekoran daripada kenaikan harga gula;
- vi. mengadakan program kesedaran pengguna dan peniaga bagi meningkatkan kesedaran terhadap hal serta peranan masing-masing di dalam menangani isu kenaikan harga barang; dan

Peniaga yang didapati menaikkan harga barang kawalan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 iaitu kompaun denda maksimum RM15,000 bagi kesalahan pertama dan RM25,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

PERTANYAAN: LISAN

SOALAN NO: 75

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 29 MAJU 2011 **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) statistik isu-isu kaum India mengikut pecahan umur dan jenis masalah bagi setiap negeri yang dilaksanakan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Hal Ehwal Kaum India; dan
- (b) senaraikan bilangan masalah yang diselesaikan sejak Jawatankuasa khas ini ditubuhkan serta jumlah wang yang diperbelanjakannya.

PR-000-L42578

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India telah ditubuhkan pada Julai 2008 oleh Kerajaan Persekutuan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri dan diwakili oleh beberapa Kementerian yang berkaitan. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengenalpasti dan memantau isu-isu kaum India terutama bagi penyertaan masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan dan oleh itu Jawatankuasa ini memfokus kepada 5 isu utama iaitu:

- a) Pendidikan Sekolah Rendah - Sekolah-Sekolah Tamil

Perkara-perkara yang menjadi tumpuan adalah menaiktaraf sekolah bantuan modal kepada sekolah bantuan penuh (Partially aided into fully aided schools), Peruntukan untuk infrastruktur, Pemindahan sekolah (Relocation of schools), Pengambilan guru-guru, pemberian tapak tanah, Pembangunan pendidikan ICT dan sekolah berasrama.

b) Peluang Pendidikan Tinggi di IPTA

Perkara yang menjadi tumpuan adalah peluang kemasukkan ke IPTA, Enrolmen ke kursus yang kritikal dan pengumiaan Biasiswa JPA.

c) Peluang Pekerjaan di Sektor Awam

Pengambilan masyarakat India di sektor perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC's) menjadi tumpuan.

d) Ekuiti dan peluang perniagaan Masyarakat India

Perkara yang ditumpukan adalah pemilikan ekuiti, kemudahan pinjaman perniagaan dan penglibatan dalam projek / kontrak.

e) Program Pembangunan Belia

Melatih belia India dalam menceburi perniagaan, pinjaman mikro dan latihan- latihan kemahiran ditumpukan dalam perkara ini.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Di lihat dari segi pencapaian terhadap matlamat terbabit, ianya boleh dilihat seperti berikut:-

a) Perkembangan Sekolah Tamil

Dari tahun 2006 - 2009, Kerajaan telah memperuntukkan RM241.7 juta untuk pembangunan infrastruktur bagi 336 buah sekolah. Daripadanya, 72 buah sekolah memperolehi bangunan barn, 43 pembinaan bangunan tambahan (annexes) dan 221 di ubahsuai bangunannya. Usaha-usaha ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Kementerian Pelajaran telah bersetuju memperuntukan sebanyak RM13.5 juta untuk pembelian perabut untuk 75 buah sekolah Tamil melalui Pakej Rangsangan Ekonomi.

b) Pendidikan Tinggi di IPTA

Dalam isu kemasukan pelajar India ke IPTA, purata pencapaian diperingkat Ijazah pertama untuk tiga sesi akademik adalah diantara 4% hingga 5%.

Bil	Sesi Akademik	Penawaran		Jumlah Keseluruhan
		Sains	Sastera	
1	2008/2009	874 49.46%	893 50.54%	1,767
2	2009/2010	865	836	1,701
3	2010/2011	880	660	1,540

Untuk meningkatkan peratusan ini, usaha sedang diambil oleh Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India iaitu dengan membentuk satu mekanisme baru. Satu panel penasihat akan dilantik untuk menasihati pelajar India yang telah menduduki peperiksaan STPM dalam memilih kursus-kursus yang bersesuaian dengan kelulusan akademik masing-masing.

c) Peluang Pekerjaan di Sektor Awam

Jawatankuasa Kabinet memutuskan penyertaan kaum India dalam sektor Awam perlu ditingkatkan dari 4.6% kini kepada 7.4%. Sehingga November 2010, seramai 2,168

calon kaum India telah dilantik ke perkhidmatan Awam dan ini merupakan 5.19% daripada jumlah keseluruhan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India akan menyusun beberapa strategi baru untuk memastikan peningkatan pelantikan kaum India dalam Sektor Awam.

d) Latihan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia melalui Pakej Stimulasi Ekonomi memperuntukan sebanyak RM20.4 juta untuk melatih 2560 belia India. Dalam tempoh 2008 -2010 sebanyak 2518 tempat ditawarkan untuk belia India di Institut Latihan Perindustrian.

e) Pembasmian Kemiskinan

Daripada data pendaftaran e-kasih yang dikeluarkan pada 1 Mac 2011, sebanyak 248,368 isirumah miskin dan berpendapatan rendah telah mendaftar dalam sistem e-kasih. Daripada jumlah ini sebanyak 8498 (3.4%) adalah golongan masyarakat India. Pecahannya adalah seperti berikut : Miskin Tegar - 343; Miskin - 2351 dan Mudah miskin - 5804. Majoriti golongan ini terdapat di 29 buah daerah dalam 9 buah negeri. Usaha-usaha sedang diambil untuk menganjakan mereka yang miskin dan mudah miskin kepada golongan yang produktif melalui insiatif kebajikan produktif melalui program Azam.

f) Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN

Dalam tempoh 2008 -2010 usaha-usaha untuk meningkatkan akses kepada pinjaman mikro telah diambil. Dibawah Program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebanyak 2,593 wanita India telah menerima pinjaman sebanyak RM14.3 juta. Manakala bagi Program TEKUN dengan kerjasama Yasasan Strategik Sosial, sebanyak 2,322 pinjaman pembiayaan mikro berjumlah RM19.4 juta diluluskan.

